



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS**

**2 NOVEMBER 2017,
6 NOVEMBER 2017 HINGGA 14 NOVEMBER 2017**

SOALAN LISAN DAN JAWAPAN

Dikeluarkan oleh

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
B AHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**



NEGERI PULAU PINANG

SOALAN LISAN

MESYUARAT KEDUA
PENGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS

Kandungan	Muka Surat
Soalan-soalan Lisan dan Jawapan	3 – 55

Dikeluarkan oleh

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

SOALAN YANG DIKEMUKAKAN BAGI MENDAPATKAN JAWAPAN LISAN DARIPADA Y.A.B. KETUA MENTERI

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Apakah jumlah dana yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku di Pulau Pinang?
- (b) Bilakah jumlah dana ini dijangka diterima sebelum projek-projek tebatan banjir boleh dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sejumlah RM35,594,525.00 di bawah peruntukan semasa Rancangan Malaysia Ke-11 bagi projek-projek tebatan banjir di Negeri Pulau Pinang. Perincian projek adalah seperti berikut :-

Bil.	Butiran Projek	Peruntukan Semasa / Siling Projek (RM)
1	Pemuliharaan Pantai Dan Pembaikan Kualiti Air Laut Di Batu Ferringhi, Pulau Pinang. (2016-2018)	6,099,015.00
2	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang. (2017-2018)	500,000.00
3	Rancangan Tebatan Banjir Tasek Gelugor (2016-2018)	8,942,510.00
4	Projek Kerja-Kerja Kecemasan Di Luar Jangka (SEBELUM Dan Selepas Banjir)-Negeri Pulau Pinang	2,281,000.00
5	Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri (PULAU Pinang)	17,772,000.00
Jumlah :		35,594,525.00

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang, Peruntukan ini akan disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) secara berperingkat mengikut kemajuan projek yang akan dijalankan bermula dari tahun ini sehingga tahun 2022. Sebanyak RM500 ribu daripada siling projek telah disalurkan kepada JPS pada tahun ini bagi melaksanakan kerja-kerja awalan.

- (b) Jumlah peruntukan yang disebut tadi telah diterima pada tahun ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah perancangan / tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah banjir di negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bagi menangani isu banjir di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang bersepadu bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah. Dalam hal ini, terdapat tiga (3) pendekatan utama yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

Pendekatan pertama melibatkan operasi pembersihan parit utama yang bermasalah yang dilaksanakan secara mekanikal dengan menggunakan kemudahan jentera pembersihan *Art Gully Emptier* secara berkala. Selain kerja-kerja menaiktaraf parit dan pintu air serta membina Rumah Pam Kawalan Banjir di taman perumahan yang menghadapi masalah banjir, Pihak Berkuasa Tempatan juga melaksanakan pembersihan parit besar, perangkap sampah (*trash screen*) dan parit *scupper* secara berkala. Bagi memastikan fenomena banjir tidak berlaku di kawasan bandar

bahagian pulau, MBPP telah membuat penyelenggaraan ke atas 28 parit besar sebanyak 4 kali setahun di mana purata pelupusan kelodak pasir bagi setiap pusingan adalah dalam lingkungan 500 tan bagi tahun ini. Dalam masa yang sama, MBPP juga menjalankan kerja-kerja pembersihan 161 premis dan struktur binaan secara berfasa di bawah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang bagi mengatasi masalah pencemaran. Baki 6 buah premis akan dilaksanakan tertakluk kepada proses penempatan semula yang sewajarnya. Pejabat Daerah dan Tanah juga mengambil tindakan di kawasan-kawasan bawah seliaan PDT dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan, membina dan menaiktaraf sistem saliran dan perparitan di kawasan-kawasan 'hotspot' yang dikenalpasti.

Selain itu, satu skuad pemantauan dan tindakan operasi bencana juga telah ditubuhkan untuk menyelaras mekanisma dan mengenalpasti punca kejadian banjir dan bertindak serta membantu di dalam merancang langkah-langkah pemulihan dari segi teknikal dan operasi pembersihan.

Pendekatan kedua Kerajaan Negeri adalah melalui Kawalan Pembangunan Baharu di mana pemaju projek pembangunan yang baharu di dalam kawasan bandaraya *George Town* akan dikenakan syarat untuk menaiktaraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh *Japan International Corporation Agency* (JICA). Manakala bagi projek pembangunan baru di luar kawasan bandaraya *George Town* pula, JPS akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaiktaraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Saliran Dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu. Bagi kawasan di Seberang Perai pula, MPSP akan mewajibkan pihak pemaju supaya mematuhi dan mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mereka bentuk sistem perparitan bagi semua cadangan pembangunan. Selain itu, MPSP juga memantau semua projek pembangunan baharu yang dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan. Dalam masa yang sama, JPS sedang menjalankan kajian Pelan Induk Saliran bagi Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan dan Daerah Timur Laut.

Pendekatan ketiga yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui Projek-projek Tebatan Banjir di mana projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Dalam pelaksanaan rancangan tebatan banjir, JPS bertindak sebagai agensi utama (*lead agency*) yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini. Selama ini, MBPP, JPS dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini. Beberapa hotspot banjir telah dikenalpasti melalui kajian dan untuk itu, projek-projek tebatan banjir telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan masalah banjir.

Lain-lain usaha seperti pertubuhan skuad khas untuk memantau keadaan parit-parit monsun dan saliran perparitan di seluruh Pulau Pinang khususnya kawasan berisiko banjir dan menjalankan pembersihan dari masa ke semasa bagi mengelakkan sistem saliran tersumbat. Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan lebih banyak kempen kesedaran alam sekitar kerana didapati salah satu faktor yang menyebabkan banjir adalah sampah-sampah yang menyebabkan saluran tersumbat juga dilaksanakan.

Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah Bajet 2017 telah memperuntukkan RM 150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan 9 projek *high impact*.

Kerja-kerja pelaksanaan fizikal di tapak dijangka akan bermula pada Disember 2017 sehingga Disember 2019. Status semasa projek-projek tersebut adalah seperti di **Lampiran A**. Dengan ini diharapkan fenomena banjir di negeri ini dapat ditangani dengan usaha bersama pelbagai pihak

RUJ. LAMPIRAN A LDJH (NO. 2)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Setelah beberapa kali aduan telah dibuat oleh pejabat saya kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tentang isu kenderaan besar seperti lori dan bas yang parkir di tepi jalan kawasan perumahan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Tempatan dan SPAD tentang kes ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan isu kenderaan berat seperti lori dan bas yang meletak kenderaan di tepi jalan terutama di kawasan perumahan. Susulan daripada aduan-aduan yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri mengenai isu ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bersama agensi-agensi terlibat termasuk SPAD, JPJ, PDRM dan kedua-dua PBT.

Beberapa tindakan telah diambil secara proaktif oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tersebut iaitu:

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Bertindak (*Task Force*) Menangani Masalah Kenderaan Berat Dalam Kawasan Perumahan yang dianggotai oleh Ahli Majlis, jabatan dalaman PBT, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi membincangkan isu dan permasalahan berkaitan kenderaan berat dalam kawasan perumahan;
- (ii) Menjalankan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) secara berkala;
- (iii) Mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi dijadikan sebagai terminal bagi meletak kenderaan berat;
- (iv) Bersetuju supaya pihak pengusaha bas kilang dengan pihak pengurusan kilang berbincang cadangan untuk meletak bas-bas kilang dalam kawasan kilang;
- (v) Mengeluarkan kompaun ke atas kenderaan berat di bawah kesalahan meletak kenderaan di atas siar kaki awam Seksyen 46 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Perintah Pengangkutan Jalan Tempat Letak Kereta MPPP 2014;
- (vi) Menggantungkan atau membatalkan lesen kenderaan berat yang enggan mengikut arahan; dan
- (vii) Menyita kenderaan berat di bawah Seksyen 81 Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 sekiranya gagal mematuhi arahan dan menghalang lalu lintas.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Setelah beberapa kali aduan telah dibuat oleh pejabat saya kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tentang isu kenderaan besar seperti lori dan bas yang parkir di tepi jalan kawasan perumahan. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Tempatan dan SPAD tentang kes ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sejumlah RM1.102 bilion telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2008 bagi melaksanakan 39 projek tebatan banjir di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan 33 projek melibatkan sejumlah perbelanjaan RM1,047,947,585.54, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 3 projek dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM13,562,937.56 dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) 3 projek dengan jumlah perbelanjaan sejumlah RM40,649,873.72 bagi projek-projek tebatan banjir di Negeri Pulau Pinang. Perincian projek adalah seperti **Lampiran A** dan akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi lisan.

RUJ. LAMPIRAN A LLKE (NO. 4)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Banjir Kilat di seluruh Pulau Pinang 15 September 2017
- (a) Sila senaraikan kawasan yang terlibat beserta jumlah mangsa mengikut daerah.
 - (b) Apakah punca sebenar berlakunya banjir kilat tersebut di sekitar pulau dan bagaimana mengatasinya?
 - (c) Berapa kalikah banjir kilat berlaku dari tahun 2013 hingga kini? Senaraikan tarikh dan kawasan terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 119 kawasan di seluruh Pulau Pinang terlibat dengan banjir kilat pada 15 September 2017 yang melibatkan seramai 5,498 orang mangsa. Sebanyak 24 kawasan terlibat di Daerah Barat Daya dengan 665 orang mangsa, 35 kawasan di Daerah Timur Laut dengan 1,950 orang mangsa, 15 kawasan di Daerah Seberang Perai Tengah dengan 1,854 orang mangsa, 14 kawasan di Daerah Seberang Perai Utara dengan 862 mangsa dan 12 kawasan di Daerah Seberang Perai Selatan dengan 167 orang mangsa. Senarai kawasan terlibat mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan ini.
- (b) Punca sebenar yang dikenal pasti berlakunya banjir kilat di sekitar pulau adalah disebabkan faktor seperti berikut:-
- (i) Jumlah taburan hujan yang tinggi sehari yang menyamai taburan hujan sebulan yang diterima oleh seluruh Negeri Pulau Pinang dan air pasang tinggi pada hari tersebut. Kesan Taufan Doksari juga turut menyumbangkan kepada berlakunya banjir kilat tersebut;
 - (ii) Sebahagian dari sungai-sungai dan sistem saliran di taman-taman dan kampung-kampung sedia ada tidak dapat menampung jumlah kadar air aliran permukaan hujan lebat tersebut;
 - (iii) Masih terdapat banyak kemudahan utiliti yang telah dibina menyeberangi sungai dan parit utama adalah rendah dan menghalang aliran air semasa hari kejadian; dan
 - (iv) Masih terdapat banyak sampah dari domestik, industri dan pertanian yang masih dibuang ke dalam sungai dan parit monsun dan menyebabkan sistem saliran tidak berfungsi dengan baik terutamanya apabila melibatkan rumah pam.

Bagi mengatasi masalah banjir kilat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dan akan mengambil beberapa pendekatan, termasuk:-

- Melaksanakan projek-projek tebatan banjir di kawasan *hot spot* banjir di seluruh Negeri di bahagian pulau dan menggunakan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM300 juta. Kerja-kerja pencegahan dan penyelenggaraan juga akan diteruskan bagi memastikan agar sistem saliran sedia ada berada dalam keadaan baik;
- Menganjurkan kempen kesedaran alam sekitar terutamanya yang melibatkan kempen supaya jangan membuang sampah ke dalam sungai, akan dipergiatkan lagi oleh Kerajaan Negeri bagi memaklumkan orang ramai tentang kesan membuang sampah ke dalam sungai;
- Mengalihkan semua pembinaan utiliti yang dibina di kawasan sungai dan saliran yang mengalami *bottle neck*; dan
- Memastikan pembangunan hartanah di Negeri Pulau Pinang mengikut garis panduan Saliran Mesra Alam Edisi ke-2 (MSMA), Garis Panduan melibatkan Sungai dan Rezab Sungai, *Integrated Shoreline Management 2010* dan Garis Panduan JPS 1/97: Kawalan Hakisan Berikutan Dari Pambangunan Di Kawasan Pantai.

- (c) Sejak tahun 2013 hingga 15 Oktober 2017, banjir kilat telah berlaku sebanyak 119 kali di Pulau Pinang masing-masing 22 kali dalam tahun 2013, 20 kali dalam tahun 2014, 26 kali dalam tahun 2015, 30 kali dalam tahun 2016 dan 21 kali dalam tahun 2017.

Senarai tarikh dan kawasan terlibat adalah seperti perincian di **Lampiran B** yang akan diletakan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan.

RUJ. LAMPIRAN A DAN B LHSAO (NO. 5)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bilakah projek tebatan banjir di kawasan Bagan akan siap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Projek tebatan banjir di kawasan Bagan, iaitu Rancangan Tebatan Banjir Mak Mandin merupakan salah satu projek *high impact* yang diumumkan dalam Bajet 2017. Projek ini akan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM40 juta. Pada masa kini, JPS sedang dalam proses menilai tender pra-kelayakan di mana kontraktor dijangka akan dilantik pada Disember 2017 dan projek ini dijangka siap pada bulan Disember 2019.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Semasa Tempoh Pemutihan sehingga kilang/kedai/struktur/kerja tanah HARAM mendapat kelulusan, apakah tindakan interim:
- (a) Memberhentikan Operasi dan Pemulihan Tanah jika mendapat bantahan penduduk dan warta tanah bendang?
 - (b) Untuk JAS menguatkuasakan Seksyen 38 Akta Alam Sekitar memberhentikan operasi ataupun bantu kilang patuh syarat JAS?
 - (c) Struktur-struktur haram selepas Laporan PAC 19/5/17?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berikut adalah tindakan-tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke atas kilang / kedai / struktur / kerja tanah haram yang dalam tempoh pemutihan.
- (a) Sekiranya terdapat bantahan daripada penduduk dan melibatkan warta tanah bendang, tindakan interim yang diambil bagi menghentikan operasi dan pemulihan tanah adalah seperti berikut:
 - (i) mengeluarkan Notis Berhenti Kerja serta merta;
 - (ii) membina halangan di tapak kerja tanah bagi memastikan kenderaan tidak dapat memasuki tapak kerja tanah;
 - (iii) menyita kenderaan yang berada di tapak kerja tanah;
 - (iv) melakukan dakwaan di mahkamah selepas kertas siasatan disediakan. Pada masa yang sama, pemilik dikehendaki dengan segera menjalankan kerja pemulihan tapak atau menjalankan kerja mitigasi atas nasihat jurutera perunding bertauliah bagi memastikan keadaan tapak tidak mendatangkan bahaya dan kacau ganggu kepada orang awam, harta awam dan persekitaran;
 - (v) memberikan permit sementara rumah tumpangan kepada hotel yang berdaftar di bawah program pemutihan untuk menjalankan perniagaan. Pengusaha yang beroperasi tanpa permit sementara samada enggan membayar atau mengambil permit sementara akan dikenakan kompaun berjadual; dan
 - (vi) menawarkan lesen premis perniagaan (bersyarat tukar guna) kepada premis perniagaan yang terlibat dengan tukarguna bangunan di dalam Zon Perniagaan Am, Zon Pelancongan Am Dan Zon Industri yang dibenarkan iaitu di kawasan Sungai Pinang dan kawasan Batu Maung sahaja untuk tempoh setahun secara berkala setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam.

Pengusaha yang beroperasi tanpa lesen premis perniagaan (bersyarat tukar guna) kerana enggan membayar dan mengambil lesen berkenaan akan dikeluarkan kompaun berjadual oleh Bahagian Pelesenan.

- (b) Di bawah peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, tiada peruntukan yang membolehkan JAS merobohkan premis/bangunan atau memberhentikan keseluruhan operasi premis. Di bawah Seksyen 38 AKAS 1974, kuasa diperuntukan untuk memasuki premis tanpa waran untuk tujuan menyiasat, memeriksa, menyita atau menahan apa-apa kelengkapan, komputer atau loji perindustrian yang menghasilkan pencemar. Dalam isu kilang haram JAS menggunakan Seksyen 38 untuk menghentikan penggunaan peralatan atau kelengkapan proses yang melepaskan pencemar yang tidak dipasang peralatan kawalan pencemaran sewajarnya.
- (c) Berhubung laporan struktur haram di atas Lot 199, MK 1 Teluk Bahang, Pulau Pinang sebanyak dua (2) tindakan telah diambil pada 7 Mac 2017 dan 17 Mei 2017 oleh PBT ke atas struktur kandang kuda dan bangsal terbuka. Tindakan penguatkuasaan yang akan diambil adalah di bawah Seksyen 27, Akta Perancangan Bandar & Desa (Akta 172) iaitu tindakan ke atas mana-mana kes pembinaan struktur haram yang dijalankan tanpa Kebenaran Merancang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Senaraikan semua rumah orang tua dengan terperinci (nama/alamat/berlesen atau tidak berlesen/NGO, swasta atau kerajaan/kapasiti..DII) di seluruh Pulau Pinang). Huraikan keadaan Penuaan (*Aging*) di Negeri Pulau Pinang dan strategi, Pelan dan polisi kerajaan negeri pada masa jangka panjang. Huraikan kebajikan Penuaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 8. Pada masa ini, jumlah keseluruhan pusat jagaan warga tua di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 61 buah di mana sembilan (9) buah pusat jagaan milik badan bukan kerajaan dan 52 buah pusat jagaan milikan swasta. Kerajaan Negeri tidak mempunyai pusat jagaan warga tua. Jumlah keseluruhan warga tua yang tinggal di pusat jagaan adalah seramai 1,799 orang. Namun, masih terdapat beberapa pengusaha pusat jagaan tidak berdaftar enggan memberikan maklumat jumlah penghuni kepada pihak JKM.

Senarai Pusat Jagaan Warga Emas mengikut kategori nama, alamat, daftar dan tidak berdaftar, milik NGO atau swasta, kapasiti dan pecahan KADUN akan diedarkan kepada Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan Lisan adalah seperti di **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri telah melantik Penang Medical College (PMC) untuk menjalankan kajian berkenaan warga emas dalam usaha memastikan kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna. Hasil kajian yang dijalankan pada 2013 menunjukkan bahawa Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu negeri yang mempunyai peningkatan kadar penuaan yang tinggi di dalam negara. Dapatan kajian menunjukkan 62.3% warga emas yang tinggal di Pulau Pinang berumur 60 hingga 69 tahun, seramai 30.5% berumur 70-79 tahun dan 7.20% berumur 80 tahun ke atas. Kerajaan Negeri amat prihatin dan komited terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat termasuk warga emas. Pelaksanaan pelbagai program kebajikan bagi membantu golongan warga emas akan dapat membantu Kerajaan Negeri menangani isu 'aging population' di negeri ini.

Antara program yang dilaksanakan termasuklah:

- (a) Mewujudkan suatu ekosistem perumahan yang tidak membebankan rakyat dan mampu dimiliki. Warga emas yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 dan mempunyai kes-kes kronik akan diberi keutamaan oleh Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) untuk menyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR);
- (b) Melaksanakan program "Jom Hidup Sihat" yang disasarkan kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat khususnya di kalangan warga emas. Kerajaan Negeri menggalakkan setiap KADUN untuk mewujudkan pusat komuniti supaya aktiviti-aktiviti komuniti seperti latihan Tai Chi, Qi Gong, Line Dance dan Aerobik dapat dijalankan dan peralatan "outdoor gym" juga disediakan. Program ini juga dapat menjadikan kawasan perumahan sebagai pusat aktiviti dan riadah seharian kepada warga emas untuk bersama-sama memupuk kepentingan penjagaan kesihatan dan

- membina ikatan silaturrahim yang baik serta dapat menanam sikap kejiwaan dan prihatin di kalangan komuniti;
- (c) Memberikan bantuan hemodialisis kepada mereka yang kurang berkemampuan termasuk warga emas yang mempunyai penyakit buah pinggang melalui Pusat Dialisis C.A.T. di kawasan Balik Pulau, Daerah Barat Daya. Subsidi sebanyak RM30.00 diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pesakit yang terpilih bagi setiap sesi rawatan dialisis termasuk warga emas. Jumlah maksimum pembayaran perbelanjaan perubatan adalah RM30.00 bagi setiap sesi selama 52 minggu dengan mengambil kira kos RM110.00 bagi setiap sesi (RM50.00 ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan, RM30.00 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan RM30.00 ditanggung oleh pesakit). Namun begitu, bagi pesakit yang tidak berkemampuan untuk membayar RM30, pesakit bolehlah memohon bantuan subsidi sebanyak RM10 daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sekiranya pemohon ingin melanjutkan bantuan pembiayaan, pemohon harus mengemukakan permohonan semula lapan minggu sebelum tempoh pembiayaan tamat untuk dipertimbangkan;
 - (d) Memperkenalkan program mammogram percuma pada awal 2015 yang memfokuskan kepada golongan kurang berkemampuan berusia 35 tahun ke atas yang turut merangkumi warga emas;
 - (e) Memberikan bantuan kewangan kepada golongan warga emas bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan dan miskin seperti berikut:-
 - (i) Bantuan Kewangan RM100.00 setahun bagi Program Penghargaan Warga Emas yang bertujuan untuk menghargai jasa dan budi warga emas yang telah berbakti untuk Negeri Pulau Pinang.
 - (ii) Bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua dan Bantuan Pesakit Telantar. Bantuan ini diberikan untuk saraan hidup kepada warga emas yang memerlukannya.
 - (f) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) turut menyediakan kemudahan alatan senaman (outdoor gym) yang giat dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan di taman-taman rekreasi awam dan kawasan tanah lapang untuk digunakan oleh masyarakat setempat termasuk warga emas; dan
 - (g) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di mana terdapat 2 buah PAWE di Pulau Pinang, iaitu di Balik Pulau dan Pongsu Seribu, Kepala Batas. PAWE merupakan tempat berkumpul dan menjalankan aktiviti bagi warga emas tetapi bukan pusat jagaan berkediaman / harian untuk warga emas. PAWE beroperasi mengikut waktu pejabat selama 5 hari seminggu. Setiap PAWE mempunyai jawatankuasa yang menggerakkan operasi dan penyelia yang dilantik bagi menguruskan PAWE tersebut.

RUJ. LAMPIRAN A LTYC (NO. 8)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jelaskan status perancangan dan pembangunan tanah milik kerajaan di 1449 Peel Avenue untuk hospital dan berkaitan. Kenapa penduduk membantah. Kemana hala tuju pembangunan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada Tetuan Island Hospital Sdn. Bhd. (IHSB) pada 6 Ogos 2016 bagi cadangan melaburkan RM 2 bilion untuk menjalankan pembangunan Island Medical City (IMC) di atas tanah milik kerajaan di 1449 Peel Avenue. Satu Perjanjian Penjualan dan Pembangunan telah ditandatangani antara Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan IHSB pada 19 Disember 2016. Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) bagi pembangunan telah dikemukakan kepada OSC MBPP pada 23 Jun 2017 di mana pihak IHSB telah menerima pelbagai komen dan mengemukakan pelan tunai syarat pada 25 September 2017 kepada MBPP. Pihak IHSB masih menunggu maklumbalas dan tarikh mesyuarat OSC bagi pertimbangan projek ini.

Cadangan pembangunan tapak ini telah diwar-warkan kepada penduduk sekitar / lot berjiran dan satu sesi pendengaran awam telah diadakan pada 22 Ogos 2017 dan antara bantahan dan saranan yang diketengahkan oleh penduduk adalah seperti berikut:

- (i) Masalah kesesakan Lalulintas dan tempat meletak kereta;
- (ii) Isu ketinggian bangunan dan ketumpatan pembangunan;
- (iii) Isu gangguan infrastruktur asas seperti isu bekalan air, gangguan telefon dan internet serta masalah saliran;
- (iv) Isu penampakan di antara kawasan pembangunan dan kawasan perumahan serta pemandangan yang terhalang;
- (v) Isu pelupusan sampah;
- (vi) Gangguan kesihatan disebabkan oleh pencemaran udara dan pencemaran bunyi serta keselamatan penduduk;
- (vii) Perlu pastikan tiada bukaan jalan ke Jalan Raja Gopal;
- (viii) Pemaju perlu memastikan keselamatan dan bertanggungjawab terhadap kerosakan yang disebabkan oleh pembinaan; dan
- (ix) Pembinaan mesti dilaksanakan pada hari bekerja dari waktu 9 pagi hingga 5 petang sahaja.

Kesemua isu dan bantahan yang dibangkitkan oleh penduduk telah dijawab. Sebagai langkah penambahbaikan perancangan pembangunan di tapak tersebut, pihak IHSB juga akan mengambil langkah-langkah berikut untuk keselesaan penduduk:

- (i) Menyediakan sebanyak 117 petak tempat letak kereta di ruang bawah tanah (*basement*) bagi pesakit dan pelawat untuk mengelakkan masalah parkir di tepi jalan dan kesesakan lalulintas; dan
- (ii) Pematuhan laporan TIA dengan melebarkan serta menaik taraf jalan raya berdekatan serta persimpangan jalan sedia ada untuk melancarkan laluan trafik di kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bilakah projek naik taraf perkhidmatan transplan, naiktaraf blok wanita dan kanak-kanak, kerja amalan blok klinik pakar dan wad hospital serta kuarters di Hospital Pulau Pinang akan bermula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Projek naik taraf perkhidmatan transplan, naiktaraf blok wanita dan kanak-kanak, kerja awalan klinik blok klinik pakar dan wad hospital serta kuarters di Hospital Pulau Pinang telah diluluskan untuk pelaksanaan. Status terkini projek-projek tersebut adalah seperti di jadual berikut:

Bil	Projek	Status Terkini
1.	Projek Naiktaraf Perkhidmatan Transplan	Peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kini dalam proses penyediaan dokumen tender oleh Jabatan Kerja Raya.
2	Naiktaraf blok wanita dan kanak-kanak	Dalam proses tender.
3	Kerja Awalan Blok Klinik Pakar dan Wad	Kerja-kerja awalan sedang dijalankan dan melibatkan penyediaan skop projek terperinci dan anggaran kos.
4	Kuarters Hospital Pulau Pinang Fasa IV	Projek ini dalam peringkat pelaksanaan. Semua perunding projek telah dilantik dan kini dalam fasa penyediaan konsep rekabentuk awal oleh Jabatan Kerja Raya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila senaraikan jumlah projek, bilangan unit rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dan kini Pakatan Harapan sejak 2008 hingga sekarang tanpa sumbangan dari pihak swasta dan juga Kerajaan Pusat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sejak 2008 Kerajaan Negeri telah melaksanakan sebanyak lima (5) projek perumahan kos rendah yang kini dikenali sebagai Rumah Mampu Milik A (RMM A) melibatkan penyediaan sejumlah 1,388 unit kediaman yang dijual pada harga maksima RM42,000/unit.

Senarai projek tersebut adalah seperti di jadual berikut:

Bil.	Projek	Lokasi	Bil. Unit
1	Taman Serina (2008)	PN 6556, Lot 38, Sek. 9E Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut	125
2	Taman Sri Desa (2008)	Lot 2983 & 3019, Mk. 12, Seberang Perai Utara	429
3	Padang Chempedak (2008)	Lot 1264, 1265, 1266, 1267, Mk.13, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	435
4	Halaman Kenang (2012)	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, MK 13, Daerah Timur Laut	204
5	Halaman Seroja (2012)	Lot 832, 831, 1378, 1379, 1380, 1381, MK 20, Seberang Perai Selatan	195
		JUMLAH	1388

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menjalin kerjasama strategik dengan syarikat swasta dalam menyediakan sejumlah 430 unit RMM A di Taman Sri Saujana, Daerah Timur Laut dan 204 unit di Taman Ampang Jajar, Seberang Perai Utara.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Sederhana Rendah) telah memastikan bahawa Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% RMM Jenis 'A' atau 'B' atau kombinasi keduanya dipatuhi dengan ketat.

Di bawah dasar ini, sebanyak 104 projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (OC) / Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 RMM Jenis 'A' dan 'B' dari tahun 2008 hingga 2017. Daripada jumlah ini sebanyak 13,266 unit adalah RMM Jenis 'A' dan 10,961 unit adalah RMM Jenis 'B'.

Ini adalah jauh berbeza dengan jumlah RMM Jenis 'A' dan 'B' yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di mana hanya 5,154 unit RMM Jenis 'A' dan 'B' telah siap dibina.

Selain daripada itu, sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' (maksimum RM300,000) pula masih dalam peringkat pembinaan iaitu sebanyak 2,971 unit RMM Jenis 'A' (RM42,000); 3,563 unit RMM Jenis 'B' (RM72,500) dan 11,152 unit RMM Jenis 'C' (maksimum RM300,000).

Manakala berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, sebanyak 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' akan dibina. Ia terdiri daripada 5,092 unit RMM Jenis 'A'; 8,817 unit RMM Jenis 'B' dan 18,339 unit RMM Jenis 'C'. Senarai projek perumahan mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina adalah seperti **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri sendiri telah merancang sebanyak tujuh belas (17) projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik yang terdiri daripada 867 unit RMM Jenis 'A' 9,283 unit RMM Jenis 'B' dan 17,080 unit RMM Jenis 'C'.

Jumlah projek dan bilangan unit adalah dinamik di mana Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambah projek perumahan mampu miliknya demi memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang dari golongan berpendapatan rendah.

Daripada tujuh belas (17) projek tersebut, lima (5) projek pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu projek Bandar Cassia Fasa 1 yang telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbar juga telah berada di 62 peratus kemajuan, Jiran Residensi, Kampung Jawa, Butterworth telah mencapai 83 peratus kemajuan dan The Rise, SP Chelliah adalah pada 45 peratus kemajuan. Kerja-kerja tanah juga telah dimulakan di tapak Sandiland Foreshore di mana YAB Ketua Menteri telah merasmikan upacara pecah tanah pada 23 September 2017.

RUJ. LAMPIRAN A LDOAH (NO. 11)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Masalah nilai tanah yang melambung tinggi.
 - (a) Apakah *risk assessment* Kerajaan Negeri tentang kemerosotan pasaran hartanah di Pulau Pinang?
 - (b) Adakah kemerosotan dan kelembapan dalam sektor hartanah akan membawa krisis ekonomi?
 - (c) Apakah *back up plan* Kerajaan Negeri sekiranya *bubble* pasaran hartanah pecah pada masa akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), 2016, pasaran hartanah di Negeri Pulau Pinang akan kekal pada landasan yang positif disokong oleh pelbagai projek pembangunan semasa dan akan datang.

Segmen pembinaan subsektor kediaman dijangka bertahan memandangkan terdapat projek-projek perumahan yang sedang dibina termasuk pembangunan perumahan mampu milik. Menurut laporan tersebut, dengan usaha-usaha berterusan Kerajaan Negeri menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat, pasaran hartanah Pulau Pinang akan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi Pulau Pinang.
- (b) Sektor hartanah merupakan sektor yang penting dalam ekonomi kerana memberi pulangan dari segi pinjaman dan pegangan aset. Kejatuhan nilai hartanah tentunya akan memberi kesan yang negatif kepada institusi perbankan apabila berlakunya peningkatan kadar kelalaian pembayaran pinjaman. Kelembapan dalam bilangan pindah milik hartanah juga boleh memberi kesan yang negatif kepada sektor hartanah dan prestasi ekonomi negara. Namun hal ini tidak berlaku di Negeri Pulau Pinang pada masa ini dan tempoh terdekat kerana sektor hartanah dijangka terus kukuh dengan permintaan tinggi yang berterusan.
- (c) *Housing Bubble* atau gelembung perumahan berlaku apabila harga rumah meningkat kesan daripada peningkatan permintaan dengan penawaran yang terhad dan mengambil masa agak lama untuk menambahkan bekalan. Keadaan akan menjadi lebih serius apabila spekulator memasuki pasaran dan meningkatkan permintaan. Secara teorinya, gelembung perumahan ini akan pecah apabila permintaan menurun atau statik dan pada masa yang sama berlaku peningkatan bekalan yang menyebabkan kejatuhan mendadak harga rumah. Berdasarkan laporan daripada kajian oleh NAPIC (2016), pasaran hartanah di Pulau Pinang dijangka berkembang dengan positif. Data e-Rumah juga menunjukkan permintaan rumah mampu milik di Pulau Pinang adalah sangat tinggi iaitu sebanyak 42,139 buah sedangkan penawaran yang boleh dibuat hanyalah sebanyak 24,415 buah bagi tempoh 2008 sehingga Oktober 2017. Justeru dalam tempoh masa yang panjang, pasaran hartanah di Pulau Pinang akan terus berkembang untuk memenuhi permintaan sedia ada dan akan datang.

Bagi pemaju rumah kos mewah, dengan dana besar yang mereka miliki bolehlah membuat kajian kebolehlaksanaan projek berdaya maju sebelum melaksanakan sebarang projek perumahan bagi mengelakkan lambakan rumah mewah.

Kerajaan Negeri pada masa ini melaksanakan dasar ekonomi terbuka seperti yang dilaksanakan di negara ini. Kerajaan hanya mengawal kerja dan syarat-syarat bagi pembinaan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik sahaja. Rumah-rumah jenis sedemikian mendapat permintaan yang sangat tinggi dan tidak pernah mencukupi. Bagi rumah kategori kos sederhana atau kos mewah, kerajaan negeri mengambil pendekatan berasaskan amalan ekonomi terbuka yang diamalkan di Malaysia. Pemaju hartanah yang bijak akan menggunakan sumber yang ada untuk membuat pembangunan berdaya maju pada jangka masa panjang dan tidak bergantung kepada Kerajaan Negeri semata-mata kerana Kerajaan mempunyai obligasi sosial dalam menangani isu hartanah mampu milik bagi golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan tindakan daripada Kerajaan Negeri untuk mengelakkan kemalangan jalan raya yang sering berlaku di Jalan Paya Terubong (bahagian selepas Pangsapuri Green Garden) oleh sebab lori besar atau bas kilang. Adakah kerajaan mempunyai cadangan atau alternatif untuk menghalang kenderaan besar mengguna Jalan Paya Terubong ke Relau atau Balik Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sebagai langkah untuk mengelakkan kemalangan jalan raya di Jalan Paya Terubong, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa berusaha untuk memastikan pokok-pokok di jalan tersebut disenggara sebaik mungkin untuk mengatasi masalah had pandangan/penglihatan yang dikenalpasti menjadi punca menyebabkan kemalangan. Jalan Paya Terubong adalah Jalan Persekutuan yang berbukit dan mempunyai jarak pandangan terhad. Pihak JKR juga dari semasa ke semasa mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk meningkatkan tahap keselamatan di jalan tersebut seperti penambahan cermin cembung (*convex mirror*), *blinker*, *road studs*, dan lain-lain perabot jalan yang sesuai untuk meningkatkan keselamatan di jalan ini.

Setakat ini belum ada cadangan untuk menghalang kenderaan besar dari melalui Jalan Paya Terubong ke Relau atau Balik Pulau.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Pembangunan perumahan di Bukit Mertajam berkembang dengan pesat. Huraikan dengan teliti apakah dasar kerajaan negeri untuk memastikan infrastruktur seperti sistem lalulintas, sistem perparitan, hospital dan sekolah dapat menampung keperluan jumlah populasi penduduk dan kenderaan yang kian bertambah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha dalam memastikan penyediaan infrastruktur seperti sistem lalu lintas, perparitan, hospital dan sekolah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk di kawasan Bukit Mertajam. Antara dasar-dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan hal ini adalah seperti berikut :
 - (i) Penyediaan jaringan/rangkaian jalan berdasarkan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah.
 - (ii) Penyediaan jajaran jalan mengikut kelebaran '*carriageway*' yang telah ditetapkan di dalam Arahan Teknik Jalan (ATJ).
 - (iii) Penyediaan sistem perparitan berdasarkan Pelan Induk Perparitan Bukit Mertajam, Pelan Induk Tebatan Banjir dan Saliran Mesra Alam Seberang Perai Tengah (SPT).
 - (iv) Mengemukakan Laporan Impak Traffic (TIA) dengan mengambilkira kapasiti trafik sedia ada di Bukit Mertajam.

- (v) Penyediaan kemudahan kesihatan berdasarkan kepada Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Masyarakat di kawasan pemajuan perumahan baru di mana klinik kerajaan perlu disediakan untuk setiap satu kejiranan (5,000 orang penduduk) tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri.
- (vi) Penyediaan kemudahan sekolah akan merujuk kepada setiap pemajuan yang mempunyai cadangan sebanyak 1,250 unit kediaman atau lebih, perlu memperuntukan sekurang-kurangnya 4 ekar tanah kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan tapak sekolah

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila jelaskan status terkini Projek-projek Kerajaan Negeri seperti berikut:
- (a) Projek Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) yang menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam.
 - (b) Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP) termasuk LRT/Monorel.
 - (c) Pembinaan/tambakan 3 buah pulau baru di Selatan Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. *Penang Transport Master Plan* atau Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIPPP) merangkumi beberapa projek utama iaitu:
- (a) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT),
 - (b) Projek Lebuhraya Pan Island Link 1 (PIL 1) dan;
 - (c) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong.

Berikut merupakan butiran lanjut mengenai pelaksanaan dan kos projek-projek tersebut:

- (a) Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong
 Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan dalam pelaksanaan projek ini adalah kelulusan laporan *Detailed Environmental Impact Assessment (DEIA)*. Laporan DEIA projek ini telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 21 April 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Maklumat terakhir yang dimohon oleh pihak JAS pada 8 September 2017 telah dikemukakan pada 19 September 2017 dan kini sedang menunggu keputusan penilaian daripada pihak JAS. Projek ini masih belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan untuk bermula. Pelaksanaan Projek Terowong Bawah Dasar Laut pula masih diperingkat Kajian Kebolehlaksanaan dengan status kajian telah mencapai kemajuan sebanyak 92.9%. Projek ini masih belum bermula secara fizikal dan tertakluk kepada keputusan laporan kajian kebolehlaksanaan. Laporan kajian kebolehlaksanaan terowong bawah dasar laut ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat setelah siap nanti.
- (b) Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT)
 Pada ketika ini, Projek Bayan Lepas *Light Rail Transit* (LRT) masih menunggu dua (2) kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Laporan *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA) dan Laporan Skim Rail. Laporan DEIA telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei 2017 untuk pertimbangan kelulusan. Laporan Skim Rail (*Rail Scheme*) pula telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada 29 Mac 2016 dan masih dalam penelitian pihak SPAD. Kelewatan kelulusan daripada pihak SPAD adalah disebabkan pihak SPAD kini sedang memberikan tumpuan kepada penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara. Adalah difahamkan bahawa kelulusan Skim Rail ini tertakluk kepada Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara yang dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018.
- (c) Projek Penebusgunaan Tanah di Selatan Pulau Pinang
 Bagi Projek Penang South Reclamation (PSR) ini, Laporan DEIA telah dikemukakan pada 28 April 2017 dan kini dalam proses pertimbangan Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kelulusan.

SRS Consortium selaku Rakan Pelaksana Projek [*Projek Delivery Partner (PDP)*] yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah menyiapkan Laporan DEIA untuk projek PSR yang melibatkan tanah seluas 4,500 ekar dan telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 28 April 2017. Berdasarkan syarat-syarat "*Letter of Award (LoA)*" yang telah ditawarkan, SRS Consortium sebagai PDP dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan kelulusan wajib daripada Kerajaan Pusat. Projek penambahan ini masih belum bermula secara fizikal dan masih menunggu kelulusan untuk bermula.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Sila nyatakan jumlah keseluruhan atlet sukan dari Negeri Pulau Pinang yang terlibat dalam semua acara di Sukan Sea 2017 di Kuala Lumpur.
- (b) Senaraikan jumlah atlet sukan dari Negeri Pulau Pinang yang berjaya merangkul pingat Emas, Perak dan Gangsa dalam setiap acara di dalam Sukan Sea 2017 di Kuala Lumpur.
- (c) Terangkan langkah Kerajaan Negeri dalam meningkatkan lagi jumlah atlet sukan dari Negeri Pulau Pinang dalam semua acara bagi mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) 55 daripada 844 atlet yang mewakili negara di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 adalah atlet-atlet Negeri Pulau Pinang. Mereka mengambil bahagian dalam 28 acara sukan.
- (b) Seramai 27 atlet Pulau Pinang telah berjaya merangkul pingat emas dalam 22 acara sukan, 17 atlet berjaya merangkul pingat perak dalam 13 acara sukan dan 11 atlet berjaya merangkul pingat gangsa dalam 7 acara sukan. Senarai atlet-atlet tersebut akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan Lisan.
- (c) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) yang berperanan sebagai penggerak utama sukan berprestasi tinggi sentiasa melaksanakan usaha-usaha proaktif untuk melahirkan atlet-atlet berwibawa yang boleh diketengahkan ke peringkat tertinggi untuk mewakili Malaysia. Langkah yang diambil ini dilaksanakan melalui penekanan terhadap pembangunan sukan di tiga peringkat utama iaitu:
 - (i) Peringkat akar umbi,
 - (ii) Peringkat pelapis negeri; dan
 - (iii) Peringkat SUKMA dan Atlet Elit Negeri

Bagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi, MSNPP melalui program pembangunan sukan di peringkat Majlis Sukan Daerah giat melaksanakan program pembangunan sukan daerah yang merangkumi sukan Angkat Berat, Olahraga, Taekwondo, Memanah, Silambam, Ping Pong, Silat dan Petanque. Sebanyak 425 orang atlet kini sedang giat menjalani latihan untuk sukan ini di kelima-lima daerah di Pulau Pinang.

Manakala, di bawah program atlet-atlet pelapis negeri yang digerakkan secara bersama oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri Pulau Pinang di bawah Majlis Sukan Negara Malaysia, seramai 572 orang atlet sokongan melibatkan 17 jenis sukan gilih menjalani latihan sebagai pelengkap kepada skuad latihan negeri.

Di peringkat SUKMA dan Atlet Elit Negeri, program-program pembangunan yang menjurus kepada peningkatan prestasi atlet turut dikelolakan sebagai usaha berterusan dalam memajukan sukan negeri seperti berikut:

- (i) Melaksanakan program latihan terancang bagi mengukuhkan prestasi fizikal, kerohanian, sahsiah dan mental atlet untuk menghadapi sesuatu pertandingan;
- (ii) Mengenal pasti bakat-bakat baru bagi menjalani latihan negeri sama ada di peringkat program latihan pelapis negeri, program pembangunan di bawah Majlis Sukan Daerah atau diketengahkan ke skuad latihan SUKMA untuk dipilih bagi menyertai kejohanan SUKMA yang akan datang;

- (iii) Melaksanakan program pembangunan sukan di peringkat daerah melibatkan sukan-sukan seperti memanah, olahraga, petanque, ping pong, silat, olahraga, dan taekwondo;
- (iv) Merancang dan melaksanakan program latihan berteraskan Pelan Periodisasi yang meringkaskan perancangan tahunan untuk membangunkan sukan-sukan yang dipelopori ke dalam bentuk fasa latihan yang kecil serta bagi mengelakkan latihan berlebihan;
- (v) Memberi pendedahan kepada atlet-atlet ke pertandingan dalam dan luar negara untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet serta pihak lawan;
- (vi) Menaik taraf peralatan yang digunakan semasa latihan dan pertandingan bagi membantu atlet meraih pingat;
- (vii) Memberi makanan tambahan (*food supplement*) untuk meningkatkan tahap kecergasan atlet;
- (viii) Melaksanakan Program Atlet Elit MSNPP di mana atlet yang cemerlang semasa SUKMA yang lepas akan dibayar elaun bulanan masing-masing sebanyak RM500.00 bagi pingat emas dan RM300.00 bagi pingat perak dan gangsa;
- (ix) Memberi pengiktirafan kepada atlet yang cemerlang di Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang setiap tahun; dan
- (x) Memberi pengiktirafan berbentuk kewangan di bawah Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS) dengan tujuan untuk menggalak serta memberi motivasi kepada atlet-atlet Negeri Pulau Pinang yang bertanding di SUKMA dan sukan-sukan bertemasya mewakili negara Malaysia dan kejohanan-kejohanan sukan di peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh badan induk sukan di Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Nyatakan jumlah tan sampah sehari yang dibuang oleh rakyat di Negeri Pulau Pinang. Bagaimana PBT menyelesaikan masalah tersebut dan adakah tapak pelupusan sampah yang ada sekarang masih mampu menampung pertambahan sampah-sampah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jumlah sampah yang dibuang oleh penduduk negeri Pulau Pinang secara purata adalah sebanyak 1,800 tan sehari.

Pada ketika ini, Tapak Pelupusan Sampah Burung sedia ada di Fasa 1 dan Fasa 2 yang berkeluasan masing-masing 80 ekar dan 46 ekar tidak mampu untuk menampung kapasiti sampah domestik yang dilupuskan oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan. Begitu juga dengan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong sedia ada yang berkeluasan lebih kurang 83 ekar tidak lagi sesuai untuk menampung kapasiti sampah binaan dan tanah korekan yang dilupuskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mengadakan perancangan untuk menyelesaikan masalah seperti berikut:

- (i) membangunkan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung Fasa III (Sanitary Landfill Level IV) yang berkeluasan 314 ekar dengan rancangan penyediaan kemudahan seperti *Material Recovery Facility* dan lain-lain kemudahan sebagainya secara berperingkat. Kini, ianya dalam peringkat bagi memperolehi kelulusan kajian *Detailed Environmental Impact Assessment*;
- (ii) melaksanakan Projek Penutupan Selamat Tapak Pelupusan Sampah Jelutong dan penyediaan tapak baharu bagi pelupusan sisa bahan binaan dan *marine clay* dengan penyediaan *resource recovery facility* bagi sisa binaan tertakluk kepada syarat-syarat tawaran yang dimuktamadkan di bawah *Request for Proposal* (RFP) bagi projek berkenaan;
- (iii) mewajibkan pengasingan sampah di punca melalui Dasar Pengasingan Sisa Di Punca di seluruh Negeri Pulau Pinang bermula 1 Jun 2016;

- (iv) menguatkuasakan Dasar Penjana Bayar kepada kilang-kilang yang menjana sisa industri yang tinggi. Kilang-kilang ini perlu membayar sendiri *tipping fees* mengikut berat sisa yang dihasilkan; dan
- (v) melaksanakan program pendidikan dan kempen kitar semula seperti Anugerah Sekolah Hijau, Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika/Sekolah-Sekolah, Anugerah Komuniti Mampam, Program Sisa Sifar Sekolah/Komuniti Pengkomposan, dan Program *Up-cycle*.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 18. Masalah lot lidi adalah masalah yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Negeri. Kebanyakan pembeli mengalami masalah untuk memecahkan lot-lot tersebut. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan atau formula bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 18. Menurut Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, tiada istilah yang ditafsirkan sebagai lot lidi. Walau bagaimanapun secara umum, lot lidi ialah lot-lot kecil dan kebiasaannya wujud melalui urusan jual beli tanah yang menggunakan Surat Ikatan Amanah. Tiada hakmilik berasingan yang didaftarkan ke atas lot-lot lidi dan keadaan ini menyebabkan pembeli mengalami masalah untuk membangunkan di atas lot berkenaan.

Masalah ini juga berpunca apabila pembeli gagal memuktamadkan kepentingan dalam dokumen hakmilik oleh sebab peruntukan Subsekyen 3, Seksyen 205 KTN menghalang pendaftaran urusan tanah pertanian yang menyebabkan keluasan mana-mana pihak menjadi kurang daripada dua perlima hektar (4000 mp @ 0.9884 ekar). Ini menyebabkan rumah-rumah yang dibina di atas tanah pertanian yang kemudiannya dijual kepada pihak lain (selain tuan tanah) tidak dapat dimuktamadkan kepentingan pembeli tersebut dalam dokumen hakmilik sekaligus menafikan kepentingan pembeli di sisi undang-undang.

Cadangan yang boleh dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah lot lidi bagi tanah pertanian adalah dengan membuat permohonan kelulusan tukar syarat daripada "Pertanian" kepada "Bangunan" yang kemudiannya disusuli dengan permohonan pecah sempadan. Setelah permohonan diluluskan, maka pembeli boleh untuk memecahkan lot-lot tersebut mengikut tatacara yang diperuntukkan dalam KTN 1965.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah menasihatkan pembeli agar menyemak status hakmilik dan pemilikan tanah sebelum sebarang urusan dilakukan dengan memastikan tanah lot tersebut telah mempunyai geran individu berasingan dan dimiliki oleh tuan punya yang sah. Sekiranya kesemua perkara ini jelas, barulah lot tersebut dapat dipindahmilik dan didaftarkan atas nama pembeli.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 19. Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat menaiktaraf kawasan perumahan terutamanya kawasan perumahan di PPR Padang Tembak, Flat PPR dan sebagainya pada masa yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 19. Selaras dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk menyediakan kediaman dan persekitaran yang selesa dan kondusif, keperluan bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf skim-skim perumahan awam sentiasa diberi perhatian. Pada tahun 2016, sejumlah RM11.2 juta telah dibelanjakan untuk menaik taraf serta menyelenggara kawasan dan kemudahan guna sama yang secara langsung memberi manfaat kepada semua 13,288 keluarga/isi rumah di 28 Rancangan Perumahan Awam yang terlibat. Daripada jumlah itu juga, sebanyak RM2.075 juta telah dibelanjakan bagi kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara perumahan awam di Padang Tembak.

Pada tahun 2017 Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM9.69 juta dengan RM1.48 juta daripadanya telah dibelanjakan bagi kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara perumahan awam di Padang Tembak. Secara ringkas, perbelanjaan ini melibatkan kos kerja pembaikan keretakan di Blok E dan J bernilai RM1.01 juta dan kerja-kerja naik taraf serta penyelenggaraan lain yang melibatkan skop kerja awam, elektrik dan mekanikal berjumlah RM478,816.09.

Inisiatif ini diteruskan pada tahun 2018 di mana Bahagian Perumahan telah memohon peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja naiktaraf dan penyelenggaraan di semua skim perumahan awam Kerajaan Negeri. Di antara permohonan termasuk kos melaksanakan kerja pembaikan keretakan bagi baki tujuh (7) blok bangunan di Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak yang dianggarkan bernilai RM2,968,000.00.

Selain daripada penyediaan peruntukan naik taraf dan penyelenggaraan tahunan, Kerajaan Negeri juga sedang merangka rancangan pembangunan jangka panjang secara pembaharuan semula bandar (*urban regeneration*) bagi skim-skim perumahan awam yang lama seperti Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah pelan pemindahan penduduk, reka bentuk, ketumpatan dan kemudahan baru yang perlu disediakan di kawasan yang akan dibangunkan semula ini. Selain itu juga, kaedah pelaksanaan projek ini perlu dibuat berdasarkan kepada laporan teknikal keadaan struktur bangunan sedia ada yang akan disediakan oleh pihak berkepakaran.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sejak akhir-akhir ini bencana banjir sering berlaku dalam Negeri Pulau Pinang, kenapa dan apakah punca sebenar berlakunya banjir ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Antara punca sebenar berlakunya banjir akhir-akhir ini adalah seperti berikut:
- (i) Jumlah taburan hujan yang tinggi di mana taburan sehari menyamai taburan hujan sebulan yang diterima oleh seluruh Negeri Pulau Pinang dan air pasang tinggi pada hari tersebut. Pengaruh Taufan Doksari juga merupakan punca banjir kilat tersebut. Misalnya, hujan lebat yang berlaku di kedua-dua Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya pada sekitar 5.00 pagi hingga 9.00 pagi pada 15 September 2017 telah menyebabkan paras sungai meningkat secara mendadak dan berlaku limpahan daripada sungai-sungai tersebut. Keadaan menjadi buruk dengan pertindihan waktu puncak air pasang yang berlaku pada pukul 8.00 pagi. Selain itu, peningkatan air sungai juga telah menyebabkan air daripada parit-parit utama tidak dapat mengalir keluar dan seterusnya melimpah ke jalan raya;
 - (ii) Sebahagian dari sungai-sungai dan sistem saliran di taman-taman dan kampung-kampung sedia ada tidak dapat menampung jumlah kadar alir aliran permukaan akan hujan lebat tersebut. Misalnya, air larian permukaan (*Surface Runoff*) yang naik secara mendadak telah menyebabkan parit dan longkang di kawasan bandar George Town dipenuhi air dan melimpah keluar ke jalan. Parit-parit tepi jalan di dalam kawasan bandar George Town terutamanya, sememangnya tidak direka bentuk untuk menampung air hujan yang lebat dan air larian permukaan yang banyak dalam tempoh masa yang singkat;
 - (iii) Masih terdapat banyak kemudahan utiliti yang dibina terlalu rendah merentasi sungai dan parit utama yang akan memerangkap sampah-sarap dan seterusnya menghalang aliran air semasa hari kejadian; dan
 - (iv) Masih terdapat banyak sampah dari domestik, industri dan pertanian yang masih dibuang ke dalam sungai dan parit monsun. Isu ini menyebabkan sistem saliran tidak berfungsi dengan baik terutamanya apabila melibatkan rumah pam.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pihak Polis memaklumkan terdapat permohonan lesen pusat hiburan keluarga tidak disokong tapi telah diluluskan.
- (a) Benarkah terdapat syarat menyatakan permohonan secara automatik akan diluluskan selepas satu tempoh walaupun tidak disokong atau diulas oleh mana-mana jabatan?
 - (b) Berapakah bilangan lesen tersebut yang diluluskan dalam tahun 2008 hingga 2017 mengikut daerah? Senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Dakwaan yang mengatakan bahawa permohonan lesen hiburan keluarga akan diluluskan secara automatik selepas satu tempoh tertentu tanpa memerlukan sokongan atau ulasan jabatan teknikal, adalah tidak benar. Setiap permohonan baru yang diterima akan dirujuk kepada jabatan-jabatan teknikal untuk memberi ulasan mengenai kesesuaian aktiviti berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- (b) Bilangan lesen pusat hiburan keluarga yang diluluskan dalam tempoh tahun 2008 hingga 2017 mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Bilangan
Timur Laut	2
Barat Daya	-
Seberang Perai Utara	9
Seberang Perai Tengah	74
Seberang Perai Selatan	1
Jumlah	86

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah pencapaian Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP/SPEC) sejak penubuhannya pada tahun 2013? Adakah tujuan penubuhan Jawatankuasa tersebut sudah tercapai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP/SPEC) telah ditubuhkan dan bersidang buat pertama kali pada 7 Jun 2013. Objektif utama jawatankuasa yang dipengerusikan oleh EXCO Perancang Bandar & Desa dan Perumahan ini adalah untuk melihat semula dan memperbaiki proses pemilihan nama pemohon rumah kos rendah (harga maksima RM42,000), kos sederhana rendah (harga maksima RM72,500) dan pelbagai kategori Rumah Mampu Milik (RMM).

Antara isu berbangkit yang membawa kepada penubuhan jawatankuasa ini adalah had kelayakan pendapatan pemohon tidak dipatuhi, pembelian rumah kos rendah/sederhana rendah sebagai rumah kedua dan proses saringan pemilihan nama yang longgar. Sehubungan itu, langkah pertama yang diambil oleh SPEC adalah membuat pindaan pada Borang Permohonan PN1 dengan menetapkan syarat yang lebih ketat seperti pengesahan caruman/tiada caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Selanjutnya, Jawatankuasa ini juga telah berusaha memastikan Sistem Maklumat Perumahan digunakan sepenuhnya dalam proses penyediaan senarai nama. Kolaborasi maklumat dengan sistem yang digunakan oleh Pejabat Tanah dan Galian dan Pihak Berkuasa Tempatan terus dimanfaatkan agar nama-nama pemohon yang telah memiliki rumah tidak lagi tersenarai sebagai penerima tawaran. Selain itu, SPEC juga memainkan peranan meneliti dan memperakukan senarai nama pemohon sebelum surat tawaran dikeluarkan oleh Bahagian Perumahan. Pendekatan ini diambil bagi memastikan pemohon yang terpilih benar-benar mematuhi syarat kelayakan, keutamaan dan giliran yang sewajarnya.

Sejak penubuhannya pada tahun 2013 hingga September 2017, SPEC telah bersidang sebanyak 40 kali. Sepanjang tempoh ini juga, jawatankuasa tersebut telah memilih dan memperakukan tawaran kepada sejumlah 38,466 pemohon terdiri daripada 18,849 pemohon rumah kos rendah, 7,082 pemohon rumah kos sederhana rendah dan 12,535 pemohon RMM pelbagai kategori.

Secara kesimpulannya, jawatankuasa ini telah melaksanakan tranformasi yang positif pada proses pemilihan dan penawaran rumah menjadikannya lebih sistematik dan telus. Dari itu, SPEC terbukti telahpun berjaya mencapai objektif penubuhannya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah semua projek-projek tebatan banjir yang dicadangkan, telah siap dilaksanakan sepenuhnya? Jika ya, kenapakah banjir masih berlaku dan dimanakah masalahnya? Jika tidak, kenapakah berlaku kelewatannya atau kenapa tidak dilaksanakan? Sila nyatakan secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sejak tahun 2008 sehingga kini, sebanyak 39 projek tebatan banjir telah dirancang. Daripada jumlah tersebut, hanya lima lagi projek masih di peringkat pelaksanaan termasuk RTB Tasek Gelugor dan RTB Sungai Pinang.

Mengikut perancangan kedua-dua RTB Tasek Gelugor dan RTB Sungai Pinang dijangka siap masing-masing pada 2018 dan 2022.

Sememangnya masalah banjir kilat tidak dapat diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh yang singkat dan projek-projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan ke tahap yang minimum.

Kebiasaannya punca utama kejadian banjir kilat yang berlaku di Pulau Pinang adalah disebabkan oleh hujan lebat yang turun di dalam masa yang singkat. Hujan yang lebat ini telah menyebabkan peningkatan air larian permukaan (*Surface Runoff*) secara mendadak seterusnya menyebabkan parit dan longkang dipenuhi air dalam tempoh yang singkat dan melimpah keluar ke jalan.

Pada masa yang sama juga, hujan lebat yang turun juga telah menyebabkan paras sungai meningkat secara mendadak dan berlaku limpahan daripada sungai-sungai tersebut.

Peningkatan air sungai juga telah menyebabkan air daripada parit-parit utama tidak dapat mengalir keluar dan seterusnya melimpah ke jalan raya yang mana ia menyebabkan kejadian banjir kilat.

Selain itu, oleh kerana kebanyakan pelepasan terakhir sistem parit utama dan sungai di kawasan pulau adalah terus ke dalam laut, maka pasang surut laut juga boleh menyebabkan berlakunya kejadian banjir kilat sekiranya hujan turun tatkala air sedang pasang penuh.

Kerajaan Negeri percaya bahawa apabila projek RTB ini siap sepenuhnya, masalah banjir kilat dapat diatasi.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Pekerja di sektor elektronik bekerja dalam persekitaran yang terdedah kepada pencemaran bahan kimia yang berbahaya seperti sinar X dan ergonomik. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja di kilang elektronik? Apakah statistik kemalangan dan penyakit yang berpunca daripada bahan kimia tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Penguatkuasaan dijalankan adalah berdasarkan peruntukan perundangan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 di bawah bidang kuasa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Akta-akta ini terpakai di semua tempat kerja kecuali angkatan tentera dan kerja-kerja di atas kapal belayar.

Pemeriksaan kilang dijalankan setiap 15 bulan oleh pegawai JKKP mengikut Akta Kilang dan Jentera 1967. Sinar X juga adalah tertakluk di bawah seliaan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB).

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Sumber Manusia sering bekerjasama dan menyalurkan peruntukan kepada Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) dan Malaysian Trade Union Congress untuk melaksanakan latihan-latihan bagi menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerja di kilang.

- (b) Pada tahun 2017, JKPP Pulau Pinang hanya menerima sebanyak 2 kes keracunan pekerjaan akibat pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di sektor elektrik dan elektronik.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Sila nyatakan dengan terperinci tentang perkembangan terhadap cadangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kota Giam, DUN Sungai Pinang.
- (b) Adakah apa-apa perancangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang lain di Pulau Pinang memandangkan bilangan pemohon dalam senarai menunggu mencecah beribu-ribu orang. Sila jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Cadangan pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kota Giam telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan melalui surat Y.A.B Ketua Menteri bertarikh 20 April 2017 kepada YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tapak yang dicadangkan adalah 3 bidang tanah seluas 18 hektar termasuk 2 bidang tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan satu bidang tanah yang telah diwartakan untuk kegunaan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai loji rawatan kumbahan di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.

Keputusan Kerajaan Negeri untuk mencadangkan tapak tersebut adalah selaras dengan kenyataan Y.A.B Timbalan Perdana Menteri pada 20 Julai 2017 di mana dalam kenyataan tersebut, Y.A.B Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pada masa ini sedang menjalin kerjasama pintar dengan IWK untuk memajukan kawasan perumahan secara menebus guna tapak kawasan kumbahan. Menurut beliau lagi, IWK akan mengguna pakai teknologi baharu yang berupaya mengurangkan penggunaan keluasan tapak untuk loji kumbahan di antara 90 hingga 95 peratus daripada keluasan semasa.

YB. Menteri dalam maklum balas beliau kepada Kerajaan Negeri bertarikh 8 Ogos 2017 telah menyatakan kesediaan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk mempertimbangkan cadangan pembangunan PPR tersebut dan menyatakan komitmen Kementerian untuk mengadakan lawatan teknikal bagi menilai kesesuaian tapak. Meski pun begitu, program lawatan yang diaturnya pada 9 Oktober 2017 yang lalu telah dibatalkan oleh pihak KPKT pada saat-saat akhir. Oleh yang demikian, Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diarahkan supaya berhubung dengan pihak KPKT bagi mendapatkan penjelasan terhadap pembatalan lawatan tersebut dan hala tuju pembangunan PPR seperti mana yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri.

- (b) KPKT pada masa ini sedang membangunkan dua (2) projek PPR di Pulau Pinang seperti berikut:-
- (i) PPR Permatang Tok Suboh yang terdiri dari 231 unit kediaman teres satu tingkat yang dijadualkan siap pada 17 Ogos 2017 namun masih belum siap; dan
- (ii) PPR Mak Mandin yang terdiri dari satu blok rumah pangsa 70 unit kediaman yang dijadualkan siap pada 20 Disember 2017.

KPKT sehingga kini masih belum memaklumkan kaedah pengisian yang diputuskan untuk kedua-dua PPR baru tersebut sama ada secara sewa-beli, jual-beli atau sewaan sepenuhnya yang mana mengikut prosedur biasa akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Dalam pada itu, seramai 1,662 pemohon PPR sehingga kini masih diletakkan di bawah kategori senarai menunggu. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,129 atau 68 peratus terdiri daripada pemohon-pemohon di Daerah Timur Laut dan Barat Daya. Oleh yang demikian, kedua-dua projek yang terletak di bahagian Seberang Perai ini dijangka masih belum berupaya menampung permintaan yang tinggi dari kalangan rakyat berpendapatan rendah di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Apakah hala tuju Penang SME Centre dan adakah inisiatif ini dikira berjaya atau boleh ditambah baik lagi? Apakah nama-nama dan jenis syarikat yang menyewa di Penang SME Centre?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pusat SME Pulau Pinang (Penang SME Centre) yang terletak di lokasi yang strategik iaitu di dalam Kawasan Perindustrian Bayan Lepas dibangunkan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi tujuan seperti berikut :
- (i) membantu pembangunan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan di dalam sektor-sektor strategik terutamanya dari segi pengurangan kos operasi dengan menyediakan kawasan kondusif dan ruang operasi pada kadar sewa yang bersubsidi;
 - (ii) membantu syarikat-syarikat *start-up* tempatan melalui pembinaan satu blok kilang 4 tingkat di Taman Perindustrian Bayan Lepas dengan ruang penyewaan tersedia berjumlah 125,843 kaki persegi sebagai satu kemudahan dan sokongan, khususnya kepada pengusaha IKS tempatan. (Pada masa ini 50% ruang di premis ini telah disewa bagi menjalankan pelbagai aktiviti industri ringan dan sederhana merangkumi aktiviti-aktiviti pembuatan, pemasangan, pejabat urusan atau sebagai makmal penyelidikan dan pembangunan);
 - (iii) menyediakan subsidi bagi penyewaan premis ini dalam bentuk Bayaran Perkhidmatan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan PDC. Dengan ini, kadar sewa yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding dengan kadar pasaran semasa;
 - (iv) memantau dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan yang berterusan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan penjana pendapatan kepada para pengusaha tempatan; dan
 - (v) menambah-baik kemudahan-kemudahan pusat ini berdasarkan *trend* industri dan permintaan dari semasa ke semasa.

Lapan (8) syarikat yang kini beroperasi di Penang SME Centre Pulau Pinang adalah seperti jadual berikut:

Bil	Nama Syarikat	Aktiviti/Produk
1	Innogrity Sdn Bhd	Pembuatan Semikonduktor <i>Test Handler</i>
2	LSP Advance Sdn Bhd	Pembuatan Elektronik <i>Test Equipment</i>
3	Fabtronic Sdn Bhd	Semikonduktor
4	Macrogine Sdn Bhd	Sokongan Semikonduktor kepada industri
5	Nly Tech Solution Sdn Bhd	Sokongan Semikonduktor kepada industri
6	Yusoff Engineering Sdn Bhd	Peranti perubatan
7	Boston Scientific Medical Device (M) Sdn Bhd	Peranti perubatan
8	FCA Services Sdn Bhd	Automotif

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat meminta Kerajaan Persekutuan membina sebuah Hospital Besar yang baru untuk rakyat Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Pada masa yang sekarang, Kerajaan Negeri sedang berbincang dengan Kementerian Kesihatan untuk menaiktaraf rumah rehat Bukit Mertajam untuk dijadikan Unit Fisioterapi, Wad Palliative Care Unit (PCU) dan Unit Cara Kerja, Hospital Bukit Mertajam serta sedang berunding untuk menjadikan Kuarters Kerajaan Negeri No. 5 dan No. 6 di Jalan Sepoy Lines sebagai Klinik Pesakit Luar, Hospital Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, buat masa ini, Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk membina sebuah Hospital Besar yang baru di Pulau Pinang kerana Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun meluluskan beberapa projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan. Projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Projek Menaiktaraf Hospital Pulau Pinang Fasa II, Projek Menaiktaraf Perkhidmatan Transplan di HPP Termasuk Pemindahan Sum Sum Tulang Jenis Allogeneik dan Blok Wanita serta Kanak-kanak Hospital Pulau Pinang (Projek di bawah RMK10).
- (ii) Menaiktaraf Kuarters Hospital Pulau Pinang Fasa IV dan Blok Klinik Pakar, Projek Penggantian Makmal Kardio Invasif (ICL) yang baru dan *SPECT Scan* baru untuk Jabatan Perubatan Nuklear (Projek di bawah RMK 11).

Selain itu, Projek *Multi Storey Block* di Hospital Seberang Jaya telah pun bermula dengan nilai kos sebanyak RM486.2 juta. Projek ini akan menempatkan penambahan sebanyak 316 buah katil. Apabila projek ini siap menjelang akhir 2019, kesesakan Hospital Pulau Pinang akan dapat diatasi kerana pesakit boleh mendapatkan rawatan di Hospital Seberang Jaya yang turut menawarkan perkhidmatan kepakaran dalam bidang Perubatan, Pembedahan, Ortorinolaringologi, Oro-Maksilofasial, Ortopedik, Perubatan Kecemasan, Kardiologi Pediatrik, Kardiotorasik Pediatrik dan Perubatan Rehabilitasi.

Tambahan lagi, projek naiktaraf Jabatan Kecemasan Unit Forensik dan Unit Pathology Hospital Balik Pulau juga akan turut dijalankan bagi memantapkan lagi perkhidmatan di kawasan Balik Pulau.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merancang pembinaan banyak perumahan rakyat, sila nyatakan sehingga kini berapakah rumah kos rendah, sederhana rendah dan rumah mampu milik yang dibina sendiri (bukan oleh swasta) oleh Kerajaan Negeri dan siap diserahkan kepada pembeli.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sejak tahun 2008 hingga September 2017, Kerajaan Negeri telah siap membina dan menyerahkan kepada pemohon yang layak sebanyak 4,176 unit rumah terdiri daripada 2,122 RMM A dan 2,054 unit RMM B melibatkan 13 projek perumahan. Buat masa ini, masih belum ada RMM C (harga maksima RM300,000) yang telah disiapkan. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri optimis di mana salah satu projek yang sedang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) iaitu Bandar Casia Fasa 1 juga dikenali sebagai Suria 1 akan dapat disiapkan pada penghujung 2018. Kemajuan terkini projek ini adalah sebanyak 99.8 peratus dan perumahan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti kawasan riadah, surau, pasar dan juga lanskap hijau yang luas. Projek ini menyediakan 149 unit RMM B dan 371 unit RMM C.

Menyusul siap pada Oktober 2018 adalah Projek Jiran Residensi di Kampung Jawa, Butterworth di mana kemajuan terkini pada tahap 83 peratus. Ia bakal menyediakan sebanyak 353 unit RMM B dan 354 unit RMM C. Selain itu, projek Dua Residensi yang sedang dilaksanakan di Teluk Kumbar kini berada pada tahap 54 peratus, projek The Rise di Jalan SP Chelliah, Georgetown 43 peratus manakala kerja-kerja tanah pula telah dimulakan di Sandiland Foreshore pada 23 September 2017 yang lalu.

Senarai lengkap semua 23 projek Rumah Mampu Milik A, B dan C Kerajaan Negeri yang telah siap dan dalam peringkat pembinaan adalah seperti di **Lampiran A**.

RUJ. LAMPIRAN A LDJH (NO. 28)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Difahamkan bahawa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah meluluskan Bajet Tahun 2017 untuk membina *U-turn* di Gat Lebu Magazine ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan dekat Sungai Pinang sebanyak RM100,000.00. Adakah bajet tersebut mencukupi untuk melaksanakan projek ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Projek menambahbaik aliran lalu lintas di kawasan KOMTAR dan sebahagian Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dari Gat Lebu Cecil Ke Gat Lebu Prangin, Pengkalan Weld telah dirancang pada tahun 2015 untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan KOMTAR. MBPP telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5.5 juta untuk tahun 2017 bagi menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Jalan Prangin dan Gat Lebu Cecil. Projek ini melibatkan komponen-komponen seperti berikut:

- (i) membina tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;
- (ii) membina pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Lebu Macallum dan Gat Jalan Magazine; dan
- (iii) membina pusingan 'U' pada paras jalan di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu / Jalan Sungai Pinang / Lebu Sungai Pinang.

Memandangkan struktur-struktur yang dicadangkan untuk dibina bagi projek ini terletak berdekatan dengan tapak warisan George Town, maka Jabatan Warisan Negara (JWN) telah mensyaratkan Laporan Penilaian Impak Warisan – Heritage Impact Assessment (HIA) disediakan terlebih dahulu sebelum projek ini diteruskan.

MBPP telah menyiapkan laporan HIA bagi projek ini. Laporan ini akan dikemukakan kepada JWN sebaik saja laporan HIA bagi projek LRT George Town - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang diluluskan oleh JWN. Ini adalah untuk memberi keutamaan kepada proses kelulusan projek LRT George Town - Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang terlebih dahulu.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Apakah usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya pintar (*smart city*)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Kerajaan Negeri pada tahun 2016 telah memutuskan hala tuju Negeri Pulau Pinang Menuju Bandar Pintar Bertaraf Antarabangsa dengan tema '*Data is King, Talent is Everything*'. Konsep bandar pintar di Negeri Pulau Pinang akan dibangunkan dengan mengutamakan infrastruktur ICT (*Information and Communication Technology*) sebagai kemudahan asas bandar di samping kemudahan asas yang lain. Infrastruktur ICT tersebut bertujuan untuk merealisasikan sistem aplikasi kerajaan elektronik, sistem perdagangan elektronik dan sistem aplikasi pintar. Pembangunan konsep bandar pintar juga tidak meninggalkan aspek pembangunan Masyarakat Global Bermaklumat (MGB). Pembangunan MGB memberi tumpuan kepada pembangunan manusia termasuk aspek pengetahuan, jasmani dan rohaniah.

Bagi merealisasikan fungsi Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang, terdapat enam (6) domain yang telah dikenal pasti; Kerajaan Pintar (*Smart Governance*), Mobiliti Pintar (*Smart Mobility*), Komuniti Pintar (*Smart People*), Persekitaran Pintar (*Smart Environment*), Perdagangan Pintar (*Smart Economy*) dan Kehidupan Pintar (*Smart Living*). Berdasarkan kepada domain-domain ini, Kerajaan Negeri telah mengadaptasikannya bagi merealisasikan hasrat Bandar Pintar melalui projek-projek berikut:-

- (i) Mewujudkan data analitis pintar (*intelligent data analytics*) bagi melicinkan pengurusan lalu lintas dengan menggunakan sistem *intelligent video analytics* yang berkeupayaan mengenali kesesakan lalu lintas, kenderaan diletak di luar petak (*illegal parking*),

mengesan paras banjir, barang yang ditinggalkan, pembuangan sampah di tempat yang dilarang (*illegal dumping*) dan pencarian kenderaan.

- (ii) Mengadakan Sistem *Smart Parking* atau Pengurusan Tempat Letak Kereta berkonsep 2E “Efektif dan Efisien”. Pelaksanaan sistem ini disekalikan dengan penguatkuasaan kompaun bersepadu serta aplikasi bayaran kompaun.
- (iii) Memperkenalkan sistem Pengurusan Sisa (*Waste Management*) yang meliputi pemantauan aktiviti pembersihan dengan penggunaan *apps* dan *sensor* serta *Big Data Analytic (BDA)*.
- (iv) Menggunakan aplikasi Waze sebagai inisiatif telekomunikasi menuju ke arah Pulau Pinang sebagai sebuah bandar pintar adalah satu usaha untuk memberi tumpuan kepada penambahbaikan sistem aliran lalu lintas di mana jika terdapat kemalangan atau penutupan jalan, pemandu dapat mengelak jalan-jalan yang sesak dan merancang perjalanan dengan lebih baik.
- (v) Menggunakan *Global System for Mobile (GSM)* bagi memantau kerosakan lampu isyarat dan paras air parit monsun.
- (vi) Mengadakan perkongsian maklumat geospasial di antara agensi kerajaan melalui sistem *Geospatial Information System (GIS)* ataupun *eMaps*.
- (vii) Melancarkan perpustakaan Digital Pulau Pinang yang beroperasi 24 jam sehari untuk memastikan bidang pendidikan di Pulau Pinang selari dengan inisiatif sebuah bandaraya pintar.
- (viii) Membina Pangkalan Data Tahap Tier-4 di Negeri Pulau Pinang dan yang pertama di Malaysia adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri bagi tujuan storan data dan pelaksanaan internet jalur lebar berkelajuan tinggi melalui pemasangan fiber optik dasar laut untuk kegunaan dan kebaikan Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang.

Kerajaan Negeri berharap melalui inisiatif Bandar Pintar ini akan memberikan pelbagai manfaat dan keuntungan, termasuk potensi keuntungan kewangan dan pengurangan kos operasi yang boleh dikecapi dan dinikmati oleh rakyat; masyarakat itu sendiri, dan juga pihak berkepentingan dalam komuniti perniagaan serta kerajaan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Kesesakan Jalan Raya:

- (a) Apakah ada perancangan untuk mengatasi kesesakan dari Permatang Pauh ke Jambatan Pulau Pinang setiap pagi waktu bekerja dan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Seberang Jaya di waktu petang?
- (b) Jika ada penstrukturan semula, bila ianya akan dilaksanakan?
- (c) Nyatakan kos yang diperlukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang telah dirancang dan dilaksanakan untuk mengatasi kesesakan dari Permatang Pauh ke Jambatan Pulau Pinang setiap pagi waktu bekerja dan dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Seberang Jaya di waktu petang. Antara penyelesaian bagi jangka masa pendek termasuklah pelaksanaan inisiatif seperti berikut:

- (i) Pembinaan *uni – directional ramp* yang menghubungkan Lebuhraya Utara Selatan dan Jalan Perusahaan oleh pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS);
- (ii) Penandaan semula garisan jalan (*lane channelization*) oleh LLM dan PLUS di laluan berikut:-
 - Persimpangan Jambatan Pulau Pinang - jalan susur ke Seberang Jaya di km 137 (Arah Utara); dan
 - Kawasan Rehat & Rawat Juru – Plaza Tol Juru (Arah Selatan)

- (iii) Pemasangan 18 unit kamera CCTV oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk memantau kesesakan lalu lintas. Melalui kamera CCTV ini, MBPP akan mengenal pasti punca kesesakan dan menghubungi pihak-pihak yang terlibat seperti Polis, Bomba dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengambil tindakan yang sewajarnya, bergantung kepada insiden yang menyebabkan kesesakan lalulintas;
- (iv) Dalam keadaan-keadaan tertentu dan kecemasan, anggota penguatkuasa MBPP akan berada di tapak bagi memberi bantuan dan kerjasama untuk mengawal kesesakan. MBPP mempunyai rancangan untuk menambah sebanyak 3 buah kamera CCTV sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu pada tahun 2017;
- (v) Selain itu, MBPP juga membuat hebahan insiden yang menyebabkan kesesakan lalu lintas melalui media sosial seperti Facebook dan laman *web* MBPP untuk menasihati pemandu agar merancang perjalanan mereka;
- (vi) MBPP juga telah menyelaras lampu isyarat di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu untuk mewujudkan kesegeraan lalu lintas dan melancarkan aliran lalu lintas. Di samping ini, masa lampu isyarat juga dipinda dari semasa ke semasa untuk menambah baik pergerakan lalu lintas;
- (vii) Penambahbaikan sistem pengangkutan awam turut dilaksanakan dalam membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan. Perancangan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - Menyediakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR melibatkan 3 buah bas bagi laluan Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya – KOMTAR, 3 buah bas bagi laluan Kiosk Bertam, Kepala Batas – KOMTAR dan 1 buah bas bagi laluan Pejabat Daerah dan Tanah, Jawi – KOMTAR; dan
 - Menyediakan perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) FIZ melibatkan 10 buah bas bagi laluan Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya – FIZ, 2 buah bas bagi laluan Perda – Jambatan Pulau Pinang dan 2 buah bas bagi laluan Autocity – Jambatan Pulau Pinang.

Manakala perancangan jangka panjang untuk mengatasi masalah kesesakan ini telah pun dimasukkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, yang merangkumi perancangan berikut:

- (i) Pelaksanaan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) dari George Town ke Butterworth;
 - (ii) Pelaksanaan perkhidmatan Monorel dari Kepala Batas ke – Bukit Mertajam;
 - (iii) Pelaksanaan perkhidmatan *Bus Rapid Transit* (BRT) dari Nibong Tebal ke Seberang Jaya; dan
 - (iv) Pembinaan Terowong Dasar Laut (Link Ketiga) yang menyambungkan Persiaran Gurney ke Bagan Ajam.
- (b) Perancangan penstrukturan semula dalam usaha untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang akan dilaksanakan di kawasan tersebut adalah seperti berikut:-
- (i) Membina tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;
 - (ii) Membina pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Lebu Macallum dan Gat Jalan Magazine; dan
 - (iii) Membina pusingan 'U' pada paras jalan di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/Jalan Sungai Pinang/Lebu Sungai Pinang.
 - (iv) Reka bentuk terperinci dan dokumen tender telah disediakan untuk pelaksanaan projek ini. Pada masa ini, MBPP sedang menunggu keputusan *Heritage Impact Assessment* (HIA) untuk meneruskan pelaksanaan projek ini.

- (c) Setakat ini, kos untuk mengatasi kesesakan di kawasan Sungai Dua – Juru di bawah tanggungjawab pihak LLM dan PLUS adalah sebanyak RM196,808.90.

Manakala sebanyak RM720,000.00 telah dibelanjakan untuk pemasangan 18 buah kamera CCTV di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu pada tahun 2017. Pemasangan bagi 3 buah kamera CCTV di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu (Kawasan Zon Perindustrian Bebas) pula melibatkan kos sebanyak RM150,000.00.

Kos bagi perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) KOMTAR yang menggunakan tujuh (7) buah bas setahun adalah berjumlah RM799,770.00. Manakala kos bagi perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) FIZ yang menggunakan 14 buah bas termasuk empat (4) buah bas *feeder* setahun adalah berjumlah RM793,728.00.

Anggaran kos bagi pembinaan tanjakan berarah (*directional ramp*) untuk pembelokan ke kanan dari Gat Jalan Magazine ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu adalah sebanyak RM25 juta, untuk pembinaan pusingan 'U' bertingkat di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu di antara Gat Lebu Macallum dan Gat Jalan Magazine sebanyak RM20 juta dan untuk pembinaan pusingan 'U' pada paras jalan di persimpangan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu/Jalan Sungai Pinang/Lebu Sungai Pinang sebanyak RM5 juta.

Ahli Kawasan Bagam Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Berapakah jumlah wang telah diperuntukan oleh kerajaan Pusat untuk projek tebatan banjir di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sejumlah RM35,594,525.00 di bawah peruntukan semasa Rancangan Malaysia Ke-11 bagi projek-projek tebatan banjir di Negeri Pulau Pinang. Perincian projek adalah seperti berikut:

Bil.	Butiran Projek	Peruntukan Semasa / Siling Projek (RM)
1.	Pemuliharaan Pantai Dan Pembaikan Kualiti Air Laut Di Batu Ferringhi, Pulau Pinang. (2016-2018)	6,099,015.00
2.	Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Pinang. (2017-2018)	500,000.00
3.	Rancangan Tebatan Banjir Tasek Gelugor (2016-2018)	8,942,510.00
4.	Projek Kerja-Kerja Kecemasan Di Luar Jangka (SEBELUM Dan Selepas Banjir)-Negeri Pulau Pinang	2,281,000.00
5.	Projek Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri (PULAU Pinang)	17,772,000.00
Jumlah		35,594,525.00

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang, Peruntukan ini akan disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) secara berperingkat mengikut kemajuan projek yang akan dijalankan bermula dari tahun ini sehingga tahun 2022. Sebanyak RM500 ribu daripada siling projek telah disalurkan kepada JPS pada tahun ini bagi melaksanakan kerja-kerja awalan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Apakah status permohonan kemudahan awam KADUN Penanti:
- (a) Baikpulih/naiktaraf dewan-dewan JKKK Guar Perahu, Sg.Lembu, Kuala Mengkuang?
 - (b) Naiktaraf ataupun Baikpulih Padang Bola Taman Guar Perahu yang dipetisyen 93 belia Taman kepada Ketua Menteri masa Majlis Pecah Tanah?
 - (c) Membina baru Balai Lintang serta Jeti di Sg Kulim Kuala Mengkuang untuk rekreasi/sukan sungai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. (a) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah telah melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan di Dewan JKKK Guar Perahu dan Kuala Mengkuang. Kerja-kerja tersebut dijangka siap dilaksanakan pada Disember 2017. Pembaikan Dewan JKKK Sungai Lembu pula telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2018.
- (b) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah membuat lawatan tapak di Padang Bola Taman Guar Perahu dan memaklumkan kerja membaik pulih dan menaik taraf kawasan lapang tersebut memerlukan peruntukan minimum berjumlah RM750,000.00. Oleh itu bagi tujuan mendapatkan peruntukkan tersebut, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah perlu membuat penilaian ke atas keutamaan projek dan seterusnya permohonan ini akan diangkat untuk diperakukan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri bagi pertimbangan Kerajaan Negeri.
- (c) Cadangan untuk pembinaan baru Balai Lintang serta jeti di Sungai Kulim Kuala Mengkuang untuk tujuan rekreasi atau sukan sungai yang diterima pada 25 September 2017 daripada YB ADUN Penanti sedang dalam semakan dan siasatan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah termasuk mendapat peruntukkan bagi tahun 2018.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Senaraikan semua pemaju dengan terperinci projek mereka (nama projek/lokasi/bilangan unit dibina/jenis pembangunan/lokasi/luasan/bilangan RMM, LMC atau LC dibina...Dan II). Huraikan status sumbangan pembangunan dalam ekonomi negeri, strategi dan langkah-langkah agar polisi 'satu orang satu rumah' tercapai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Sederhana Rendah) telah memastikan bahawa Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% RMM Jenis 'A' atau 'B' atau kombinasi keduanya dipatuhi dengan ketat.

Dibawah dasar ini, sebanyak 104 projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (OC) / Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 RMM Jenis 'A' dan 'B' dari tahun 2008 hingga 2017. Daripada jumlah ini sebanyak 13,266 unit adalah RMM Jenis 'A' dan 10,961 unit adalah RMM Jenis 'B'.

Ini adalah jauh berbeza dengan jumlah RMM Jenis 'A' dan 'B' yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di mana hanya 5,154 unit RMM Jenis 'A' dan 'B' telah siap dibina.

Selain daripada itu, sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' (Maksima RM300,000) pula masih dalam peringkat pembinaan iaitu sebanyak 2,971 unit RMM Jenis 'A' (RM42,000); 3,563 unit RMM Jenis 'B' (RM72,500) dan 11,152 unit RMM Jenis 'C' (Maksima RM300,000).

Manakala berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, sebanyak 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' akan dibina. Ia terdiri daripada 5,092 unit RMM Jenis 'A'; 8,817 unit RMM Jenis 'B' dan 18,339 unit RMM Jenis 'C'. Senarai projek perumahan mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina adalah seperti **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri sendiri telah merancang sebanyak tujuh belas (17) projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik yang terdiri daripada 867 unit RMM Jenis 'A'; 9,283 unit RMM Jenis 'B' dan 17,080 unit RMM Jenis 'C'.

Jumlah projek dan bilangan unit adalah dinamik di mana Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambah projek perumahan mampu miliknya demi memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang dari golongan berpendapatan rendah.

Daripada tujuh belas (17) projek tersebut, lima (5) projek pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu projek Bandar Cassia Fasa 1 yang telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbar juga telah berada di 62 peratus kemajuan, Jiran Residensi, Kampung Jawa, Butterworth telah mencapai 83 peratus kemajuan dan The Rise, SP Chelliah adalah pada 45 peratus kemajuan. Kerja-kerja tanah juga telah dimulakan di tapak Sandiland Foreshore di mana Y.A.B. Ketua Menteri telah merasmikan upacara pecah tanah pada 23 September 2017.

Senarai projek-projek RMM yang telah siap dan sedang dibina adalah seperti di **Lampiran A** dan akan diletakkan atas meja Yang Berhormat setelah selesai sesi soalan lisan.

Sektor pembinaan sememangnya merupakan pemangkin kepada kepesatan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan statistik Data Asas Sosio Ekonomi Negeri Pulau Pinang 2015/2016 sektor pembinaan menyumbang sebanyak RM2.06 bilion (2.9%) dari RM69.84 bilion Keluaran Dalam Negeri Kasar Pulau Pinang iaitu pertumbuhan 5.5% dari tahun 2014 sebelumnya. Pencapaian yang memberansangkan ini semestinya antara lain terhasil daripada langkah-langkah Kerajaan Negeri menggalakkan pemajuan RMM di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, sasaran 'satu keluarga 1 rumah' Kerajaan Negeri pada dasarnya adalah untuk membantu rakyat dari kalangan berpendapatan rendah dan sederhana. Strategi produktif yang dirangka Kerajaan Negeri dalam menjayakan hasrat ini adalah seperti berikut:-

- (i) Perancangan untuk membina 17 projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit rumah mampu milik untuk tempoh sehingga 2023.
- (ii) Garis Panduan Perumahan Mampu Milik 100% untuk menarik minat pemaju swasta membekalkan Rumah Mampu Milik C dengan harga maksima RM300,000.00 (Pulau) dan RM250,000.00 (Seberang Perai).
- (iii) Memperkenalkan produk Rumah Mampu Milik C1 yang berharga maksima RM150,000 didalam pemajuan Rumah Mampu Milik 100% mulai 2017. Produk ini memberi alternatif kepada mereka yang tidak layak untuk memohon Rumah Mampu Milik B (maksima RM72,500) tetapi kurang berkemampuan untuk memiliki rumah bernilai RM200,000 keatas. Sebagai contoh pemajuan Fairview Residence oleh Tetuan Potential Dual di Cangkat Sungai Ara, Daerah Barat Daya yang menawarkan 117 unit RMM C1.
- (iv) Dasar Pembinaan Rumah Kos Rendah / Kos Sederhana Rendah dimana pemajuan melebihi 100 unit di kawasan pembangunan dan 150 di kawasan luar pembangunan disyaratkan untuk membina sekurang-kurangnya 30% unit kos rendah / kos sederhana rendah; dan
- (v) Pengenalan semula Skim Sewa Beli dimana sebagai perintis 51 unit kediaman jenis strata di Taman Seruling Emas dan 104 unit kediaman jenis townhouse di Taman Sungai Duri Permai, Daerah Seberang Perai Selatan ditawarkan.

RUJ. LAMPIRAN A LTYC (NO. 34)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Adakah Kerajaan Negeri mungkir janji didalam isu pemulangan hartanah 50 Lebuh Love, George Town kepada Majlis Klan Cina P.Pinang setelah Majlis Klan diberi jaminan oleh Kerajaan agar memberi laluan kepada Pejabat Tanah untuk merampas hartanah tersebut dibawah Kanun Tanah Negara dan kemudiannya akan dipulangkan melalui permohonan pemberianmilik. Jelaskan yang sebenarnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Kerajaan Negeri bersedia memindahkan milik hartanah tersebut dengan premium nominal RM1 kepada Majlis Klan Cina Pulau Pinang mengikut lunas perundangan. Kerajaan Negeri sedang menunggu peguam Majlis Klan Cina Pulau Pinang berjumpa dengan Pejabat Tanah Daerah Timur Laut. Dalam hal ini Pihak Berkuasa Negeri berhak untuk memberi milik tanah Kerajaan Negeri kepada mana-mana pihak selagi mana ianya mematuhi perundangan dan tidak bercanggah dengan peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Terdapat berapa kilang tanpa lesen dan berlesen yang sedang menjalankan aktiviti yang mencemarkan udara dan air di sekeliling kawasan perumahan di setiap daerah? Sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Jumlah keseluruhan kilang tanpa lesen dan berlesen yang menjalankan aktiviti yang mencemarkan udara dan air di sekeliling kawasan perumahan di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 16 buah iaitu sebuah di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 15 buah lagi di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Maklumat terperinci kilang-kilang tersebut mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Kilang Berlesen	Kilang tidak Berlesen	Jumlah
Barat Daya	-	1	1
Timur Laut	-	-	-
Seberang Perai Utara	3	2	5
Seberang Perai Tengah	3	1	4
Seberang Perai Selatan	6	-	6
Jumlah	12	4	16

Untuk makluman, pihak MBPP dan MPSP telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan kompaun dan notis perobohan ke atas kilang-kilang tersebut atas kesalahan menjalankan aktiviti tanpa mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan) PBT. Walau bagaimanapun, bagi aktiviti pencemaran, kilang-kilang tersebut telah di rujuk kepada Jabatan Alam Sekitar untuk tindakan lanjut dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Berapakah jumlah hutang negeri yang dipinjam dari Kerajaan Pusat dan luar Negara pada tahun 2013 hingga 2017.
- (a) Untuk apa pinjaman ini dibuat?
- (b) Berapa banyakkah Kerajaan Pusat melupuskan pinjaman?

Y.A.B. Ketua Menteri:

37. (a) Sehingga tahun 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya mempunyai pinjaman dari Kerajaan Persekutuan sahaja berjumlah RM64,716,906.58. Kerajaan Negeri tidak mempunyai pinjaman dari negara luar atau mana-mana sumber kewangan selain Kerajaan Persekutuan. Maklumat pinjaman dengan Kerajaan Persekutuan dari tahun

2013 sehingga 2017 beserta jumlah hutang dan tujuan pinjaman tersebut adalah seperti di **Lampiran 1 yang akan diletak di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan.**

- (b) Sehingga kini, Kerajaan Pusat telah melupuskan pinjaman sebanyak RM659,417,901.79 iaitu sebanyak RM4,169,485.15 pada tahun 2009 bagi tiga (3) Projek Bekalan Air Luar Bandar dan sebanyak RM655,248,416.64 pada tahun 2011 iaitu pinjaman untuk Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang bagi membiayai Projek Bekalan Air Pulau Pinang.

RUJ. LAMPIRAN I LDOAH (NO. 37)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Senaraikan syarikat start-up yang dibangunkan di Pulau Pinang mengikut jenis perniagaan dan modal pelaburan syarikat tersebut. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menyiapkan syarikat *start-up* serta menyediakan satu persekitaran yang mesra *start-up*? Nyatakan *co-working space* yang ada di Pulau Pinang mengikut luas permukaan, *occupancy rate* dan lokasi ruang-ruang tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

38. (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan syarikat *start-up* yang dibangunkan di Pulau Pinang mengikut jenis perniagaan dan modal pelaburan syarikat tersebut. Sebaliknya, Kerajaan Negeri mempunyai maklumat berkaitan syarikat *start-up* tempatan yang kini beroperasi di SME Centre Pulau Pinang seperti jadual berikut:

Bil.	Nama Syarikat	Modal Berbayar	Aktiviti/Produk
1	Innogrity Sdn Bhd	RM50,000.00	Pembuatan <i>Test Handler</i> Semikonduktor
2	LSP Advance Sdn Bhd	RM10,000.00	Pembuatan <i>Test Equipment</i> Elektronik
3	Fabtronic Sdn Bhd	RM1,000,000.00	Semikonduktor
4	Macrogine Sdn Bhd	RM2,000.00	Sokongan kepada industri Semikonduktor
5	NLYTech Solution Sdn Bhd	RM150,000.00	Sokongan kepada industri Semikonduktor
6	Yusoff Engineering Sdn Bhd	RM200,000.00	Peranti perubatan

- (b) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan persekitaran yang mesra *start-up* adalah seperti berikut:
- (i) membantu pembangunan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan di dalam sektor- sektor strategik terutamanya dari segi pengurangan kos operasi dengan menyediakan kawasan kondusif dan ruang operasi pada kadar sewa yang bersubsidi;
 - (ii) membantu syarikat-syarikat *start-up* tempatan melalui pembinaan satu blok kilang 4 tingkat di Taman Perindustrian Bayan Lepas dengan ruang penyewaan tersedia berjumlah 125,843 kaki persegi sebagai satu kemudahan dan sokongan, khususnya kepada pengusaha IKS tempatan. Pada masa ini 50% ruang di premis ini telah disewa bagi menjalankan pelbagai aktiviti industri ringan dan sederhana merangkumi aktiviti-aktiviti pembuatan, pemasangan, pejabat urusan atau sebagai makmal penyelidikan dan pembangunan;
 - (iii) menyediakan subsidi bagi penyewaan premis ini dalam bentuk Bayaran Perkhidmatan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan PDC. Dengan ini, kadar sewa yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding dengan kadar pasaran semasa;
 - (iv) memantau dan merancang kemudahan dan khidmat sokongan yang berterusan kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sebagai sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan penjana pendapatan kepada para pengusaha tempatan; dan
 - (iv) menambah-baik kemudahan-kemudahan pusat ini berdasarkan *trend* industri dan permintaan dari semasa ke semasa.

- (c) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Invest Penang telah melancarkan program @CAT Penang di Aras 3, Wisma Yeap Chor Ee(WYCE) yang menyediakan *co-working space*, program/aktiviti dan bengkel untuk membantu usahawan kecil yang terlibat terutamanya dalam bidang teknologi, e-dagang, pengekodan, animasi, kandungan / aplikasi mudah alih, *Internet of Things* (IOT) serta perisian / perkakasan. Ruang *co-working space* di WYCE adalah seluas 7,006 kaki persegi daripada jumlah keseluruhan lantai 12,120 kaki persegi. Bagi bulan September 2017, kadar purata penggunaan harian yang dicatatkan di ruang *co-working space* tersebut adalah 94%.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Sila nyatakan statistik projek perumahan mampu milik yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat di Negeri Pulau Pinang. Berapakah unit rumah mampu milik yang telah mendapat CCC yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat masing-masing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengutamakan pembekalan perumahan mampu milik khususnya Rumah Mampu Milik (RMM) Jenis 'A' dan 'B' (Kos Rendah dan Sederhana Rendah) telah memastikan bahawa Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% RMM Jenis 'A' atau 'B' atau kombinasi keduanya dipatuhi dengan ketat.

Di bawah dasar ini, sebanyak 104 projek telah dibina dan memperolehi Sijil Layak Menduduki (OC) / Perakuan Siap Kerja dan Pematuhan (CCC) yang melibatkan penyediaan sebanyak 24,227 RMM Jenis 'A' dan 'B' dari tahun 2008 hingga 2017. Daripada jumlah ini sebanyak 13,266 unit adalah RMM Jenis 'A' dan 10,961 unit adalah RMM Jenis 'B'.

Ini adalah jauh berbeza dengan jumlah RMM Jenis 'A' dan 'B' yang telah siap dibina dari tahun 1999 hingga 2007 di mana hanya 5,154 unit RMM Jenis 'A' dan 'B' telah siap dibina.

Selain daripada itu, sebanyak 39 projek yang bakal menyediakan 17,686 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' (Maksima RM300,000) pula masih dalam peringkat pembinaan iaitu sebanyak 2,971 unit RMM Jenis 'A' (RM42,000); 3,563 unit RMM Jenis 'B' (RM72,500) dan 11,152 unit RMM Jenis 'C' (Maksima RM300,000).

Manakala berdasarkan perancangan Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang telah diluluskan Kebenaran Merancang, sebanyak 35 projek yang bakal menyediakan 32,248 unit RMM Jenis 'A', 'B' dan 'C' akan dibina. Ia terdiri daripada 5,092 unit RMM Jenis 'A'; 8,817 unit RMM Jenis 'B' dan 18,339 unit RMM Jenis 'C'. Senarai projek perumahan mampu milik yang telah, sedang dan akan dibina adalah seperti **Lampiran A**.

Kerajaan Negeri sendiri telah merancang sebanyak tujuh belas (17) projek perumahan mampu milik yang bakal menyediakan sebanyak 27,230 unit perumahan mampu milik yang terdiri daripada 867 unit RMM Jenis 'A'; 9,283 unit RMM Jenis 'B' dan 17,080 unit RMM Jenis 'C'.

Jumlah projek dan bilangan unit adalah dinamik di mana Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambah projek perumahan mampu miliknya demi memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang dari golongan berpendapatan rendah.

Daripada tujuh belas (17) projek tersebut, lima (5) projek pada masa ini sedang dalam peringkat pembinaan iaitu projek Bandar Cassia Fasa 1 yang telah mencapai 99.8 peratus kemajuan dan dijangka memperolehi Perakuan Siap dan Pematuhan pada akhir 2017. Selain itu, projek Dua Residensi, Teluk Kumbar juga telah berada di 62 peratus kemajuan, Jiran Residensi, Kampung Jawa, Butterworth telah mencapai 83 peratus kemajuan dan The Rise, SP Chelliah adalah pada 45 peratus kemajuan. Kerja-kerja tanah juga telah dimulakan di tapak Sandiland Foreshore di mana Y.A.B. Ketua Menteri telah merasmikan upacara pecah tanah pada 23 September 2017.

Prestasi Kerajaan Negeri di dalam pembekalan pelbagai jenis perumahan mampu milik seperti mana diperincikan di atas adalah jauh berbanding dengan prestasi buruk projek perumahan mampu milik oleh Kerajaan Pusat di bawah program mampu miliknya iaitu Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA).

Untuk makluman, walaupun Akta Perumahan Rakyat 1 Malaysia telah digubalkan pada tahun 2012 dan Perdana Menteri telah sejak tahun 2013 membuat pengumuman demi pengumuman sehingga Bajet 2018 baru-baru ini bahawa sejumlah 625,000 unit Rumah Mampu Milik di bawah PR1MA akan dibina. Namun demikian, melalui jawapan daripada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri kepada YB. Ahli Parlimen Bayan Baru pada Ogos, 2017 ia disahkan bahawa setakat ini cuma 1,332 unit di bawah PR1MA telah siap dibina dan daripada itu cuma 883 unit sahaja yang telah diserahkan kunci. Ini menunjukkan satu prestasi yang begitu lemah dan buruk di pihak Kerajaan Pusat dan seharusnya diambil maklum bahawa daripada jumlah yang disebutkan yang telah siap di bawah PR1MA, satu unit pun masih belum dibina di Negeri Pulau Pinang walaupun di peringkat ini 2 tapak pemajuan PR1MA telahpun diluluskan menurut rekod, iaitu di Batu Feringghi dan Bukit Gelugor.

RUJ. LAMPIRAN A LYSH (NO. 39)

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Huraikan dengan teliti *Standard Operating Procedure* (SOP) Kerajaan Negeri dalam mekanisme menghadapi bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh, ribut dan sebagainya.
- Adakah peralatan, kelengkapan dan sumber manusia mencukupi? Senaraikan jenis dan jumlah peralatan mengikut agensi terlibat di Bukit Mertajam.
 - Senaraikan pusat penempatan sementara mangsa bencana di kawasan Bukit Mertajam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

40. SOP Kerajaan Negeri dalam mekanisme menghadapi bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh dan ribut adalah berdasarkan kepada Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara. Arahan ini bertujuan menggariskan dasar dan mekanisme pengurusan bencana secara menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian bencana di darat. Arahan ini juga menjelaskan peranan dan tanggungjawab agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela dalam pengurusan bencana. Berdasarkan arahan ini, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) ditubuhkan di peringkat negeri dan dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri. Perincian Arahan MKN No.20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara boleh didapati di portal <http://portalbencana.ndcc.gov.my>.
- Peralatan dan alat kelengkapan agensi di Bukit Mertajam adalah mencukupi seperti berikut :

Nama Kenderaan	Bilangan	Jenis/Muatan	Jumlah
Heavy Rescue Vehicle	1	3 ton	1
Medical Rescue Vehicle	2	Ambulan Gred B	2
Light Rescue Vehicle	1	Hilux 4x 4	1
Rescue Bot	2	Aluminium 14"	2
Rescue Bot	1	Porta Bot	1
Life Jacket	30		30
Chainsaw	3		3

Sumber manusia yang boleh diatur gerak semasa kejadian banjir adalah mencukupi seperti berikut:

- 3 jam pertama bencana berlaku : 70 orang
 - 3 jam ke 24 jam berikutnya : 200 orang
- Senarai Pusat Pemindahan sementara mangsa bencana yang diwartakan di Bukit Mertajam adalah seperti berikut:

Nama Dewan
Dewan Orang Ramai Taman Sentul
Dewan Sentul Jaya
Dewan Serbaguna Pasar Awam Kampung Baru
Dewan Orang Ramai Kampung Tun Sardon
Dewan JKKK Alma
Dewan Masjid Tasek Junjung
Dewan Serbaguna Kampung Alma
Dewan KAFA, Alma
Dewan Orang Ramai Kuala Tasek
Dewan JKKK Bukit Teh
SMK Jit Sin
SRJK (C) Permatang Tinggi
Surau Permatang Tok Suboh
Balai Raya Machang Bubok

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Mengikut Notis Kesalahan serta Tawaran Kompaun MPSP hanya 4 Kaunter Bayaran yang di sediakan untuk pembayaran kompaun iaitu di Bandar Perda, Butterworth, Sg Jawi, dan Bukit Mertajam selain bayaran melalui pos. Adakah MPSP merancang untuk menyediakan Kaunter Bayaran di Kepala Batas dan lain-lain tempat untuk memudahkan pembayaran kompaun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Buat masa kini Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) tidak mempunyai perancangan untuk membuka kaunter pembayaran di Kepala Batas atau lain-lain tempat selain 4 lokasi sedia ada iaitu di Bandar Perda, Butterworth, Sg Jawi, dan Bukit Mertajam. Bagi memudahkan lagi proses pembayaran, MPSP telah menyediakan perkhidmatan secara online dan perkhidmatan kaunter bergerak dengan menggunakan bas. Di samping itu, MPSP juga dalam proses perancangan untuk menyediakan mesin kiosk pembayaran untuk ditempatkan di semua cawangan MPSP dan pasaraya terpilih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Adakah Kerajaan berhasrat memberi insentif bagi pekerja Am MPSP dan MBPP yang berdedikasi dalam memastikan kebersihan negeri sebagai tanda penghargaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa memberi keutamaan dan perhatian khusus kepada kakitangannya terutama daripada kalangan Pekerja Am di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan cemerlang bagi memastikan kebersihan negeri dipelihara. Sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri kepada Pekerja Am di PBT, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan insentif-insentif seperti berikut:
- (i) mencalonkan para Pekerja Am untuk menerima Pingat-pingat Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan sempena Ulang Tahun Kelahiran Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

- (ii) memberikan peluang kepada para Pekerja Am untuk dicalonkan sebagai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan juga menerima bayaran sebanyak RM 1,000.00 beserta Sijil Penghargaan.
- (iii) memberikan peluang untuk dinaikkan pangkat ke jawatan Pembantu Awam Gred H14 (Mandor) secara hakiki dan bakal menerima kenaikan gaji beserta elaun-elaun yang berkelayakan.
- (iv) memberi bayaran insentif khas sebanyak RM200.00 kepada Pembantu Awam dalam pasukan 3D (*dirty, dangerous, difficult*) yang terlibat menjalankan kerja-kerja pembersihan parit.
- (v) selain itu, pihak MPSP turut memberi bayaran insentif sebanyak RM100.00 sebagai Anugerah Pekerja Contoh kepada Pekerja Am dalam menjalankan kerja-kerja pembersihan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 43. Berapakah jumlah warga emas di kawasan KADUN Telok Bahang yang telah menerima bantuan dibawah Program Warga Emas sejak 2009 mengikut tahun, jumlah penerima dan kos setahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 43. Pembayaran bagi Program Penghargaan Warga Emas hanya bermula pada tahun 2010. Sehingga Oktober 2017, seramai 2,339 orang warga emas di kawasan KADUN Telok Bahang telah menerima bantuan di bawah Program Penghargaan Warga Emas dengan jumlah keseluruhan bantuan sebanyak RM1,680,100.00 sejak tahun 2010. Perincian bantuan mengikut tahun adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletakkan atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi Soalan Lisan.

RUJ. LAMPIRAN A LSHAH (NO. 43)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 44. Nyatakan jumlah keluasan tanah sawah sehingga kini yang masih mengusahakan dengan tanaman padi di kawasan DUN Pinang Tunggal. Jumlah keluasan tanah sawah yang telah ditambun. Apakah usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 44. Semakan pada tahun 2016 di DUN Pinang Tunggal mendapati keluasan tanah sawah adalah 3,154 ekar. Manakala, jumlah keluasan tanah sawah yang telah ditambun di kawasan DUN Pinang Tunggal adalah 9.9309 ekar dan tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan.

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha dalam meningkatkan hasil pengeluaran padi. Antara tindakan yang diambil ialah melaksanakan program pembangunan industri tanaman padi bagi mengatasi masalah tanah jerlus dan serangan penyakit perosak dengan menambahbaik infrastruktur saluran dalam petak sawah, menyediakan input pertanian seperti baja dan racun serta khidmat nasihat dan bimbingan kepada petani untuk mengamalkan amalan pertanian baik.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 45. Apakah projek penaiktarafan dan / atau rancangan pembangunan / pemajuan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Ladang Hong Seng selepas berlakunya banyak kes kes tanah runtuh dan kejadian kes tanah mendapan baru - baru ini yang cukup membebankan Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Setakat ini tiada permohonan Kebenaran Merancang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri oleh mana-mana pihak untuk pembangunan di kawasan Ladang Hong Seng. Berdasarkan semakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), kes mendapan tanah yang berlaku pada 29 September 2017 bukan disebabkan oleh pembangunan baharu tetapi berkemungkinan besar berpunca daripada kerosakan paip bawah tanah yang melalui kawasan perumahan sedia ada. Dalam hal ini, kerja-kerja mitigasi dan / atau penambahbaikan saliran akan dijalankan di kawasan Ladang Hong Seng.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Kawasan manakah yang sering berlaku banjir dalam Negeri Pulau Pinang, sila senaraikan kawasan yang berlaku banjir mengikut Parlimen dan Kawasan DUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. Untuk makluman Yang Berhormat terdapat 236 kawasan yang dikenalpasti sering berlaku kejadian banjir di seluruh Negeri Pulau Pinang, iaitu 22 kawasan di Parlimen Bayan Baru, 18 kawasan di Parlimen Balik Pulau, 30 kawasan di Parlimen Tanjung, 29 kawasan di Parlimen Jelutong, 10 kawasan di Parlimen Bukit Gelugor, 31 kawasan di Parlimen Nibong Tebal, 15 kawasan di Parlimen Batu Kawan, 11 kawasan di Parlimen Bukit Mertajam, 18 kawasan di Parlimen Permatang Pauh, 20 kawasan di Parlimen Bagan, 13 kawasan di Parlimen Kepala Batas dan 10 kawasan di Parlimen Tasik Gelugor.

Senarai lengkap kawasan yang sering berlaku banjir mengikut kawasan parlimen dan DUN akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat Sungai Aceh selepas selesai sesi soalan lisan.

RUJ. LAMPIRAN I LDMZ (NO. 46)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. (a) Senaraikan 21,535 unit rumah mampu milik Kategori A dan B yang dibina sejak 2008 mengikut daerah dan pemaju.
- (b) Apakah benar maklumat 520 unit rumah mampu milik pertama siap sepenuhnya 12/2017
- (c) Adakah pemaju dikenakan syarat untuk menyiapkan rumah kos rendah/ sederhana rendah sebelum sijil layak menduduki diluluskan? Jika tidak, jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. (a) Sejak tahun 2008 hingga 30 September 2017, sebanyak 104 projek perumahan mampu milik (RMM) A dan B telah disiapkan di Pulau Pinang melibatkan penyediaan 24,227 unit kediaman kategori tersebut. Ringkasan bilangan projek dan jumlah unit RMM A dan B yang dibina mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah Projek	Jumlah Unit
1.	Timur Laut	28	10,595
2.	Barat Daya	17	4,623
3.	Seberang Perai Utara	20	4,162
4.	Seberang Perai Tengah	24	3,515
5.	Seberang Perai Selatan	15	1,332
JUMLAH KESELURUHAN		104	24,227

Senarai projek dan pemaju akan diletak atas meja Yang Berhormat selepas ini.

- (b) Projek Bandar Cassia Fasa 1 atau dikenali juga sebagai Suria merupakan projek pembinaan 520 unit RMM. Komponen projek terdiri daripada 149 unit RMM B (harga maksima RM72,500) dan 371 RMM C (harga maksima RM220,000). Rumah Mampu Milik ini dilengkapi dengan fasiliti lengkap seperti kad akses keselamatan, ruang riadah, dewan orang ramai, pasar awam dan ruang lanskap yang luas. Pada masa ini, kemajuan projek adalah pada tahap 99.8 peratus. Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dijangka akan dapat diperolehi pada Disember 2017.

- (c) Dasar Penyediaan Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menetapkan bahawa setiap pemajuan yang melebihi 99 unit di kawasan bandar dan 149 unit di kawasan luar bandar disyaratkan untuk membina sebanyak 30% rumah kos rendah, kos sederhana rendah (RMM A dan B) atau kombinasi keduanya. Syarat Kebenaran Merancang juga menyatakan bahawa komponen rumah kos rendah dan kos sederhana rendah tersebut hendaklah siap bersekali atau lebih awal dari pemajuan unit-unit biasa. Sehubungan itu, Sijil Layak Menduduki (OC) atau Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) bagi keseluruhan pemajuan hanya boleh dikeluarkan setelah syarat ini dipatuhi.

RUJ. LAMPIRAN LMYMN (NO. 47)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Berapakah projek tebatan banjir yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir sejak tahun 2013 menggunakan Tabung Caruman Perparitan? Berapakah nilai setiap projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Sebanyak 277 projek tebatan banjir bernilai RM135,518,846.26 telah diluluskan oleh Jawatankuasa MMK Tebatan Banjir semenjak tahun 2013 sehingga bulan Julai 2017 di bawah Tabung Caruman Perparitan. Bilangan projek mengikut tahun bagi kesemua daerah dan nilainya adalah seperti berikut:-

DAERAH	TAHUN	BILANGAN PROJEK	RM
DTL	2013	20	8,916,984.00
	2014	14	9,403,117.68
	2015	14	5,534,348.80
	2016	9	10,037,483.30
	2017	18	12,920,749.00
DBD	2013	3	141,000.00
	2014	-	-
	2015	3	7,475,000.00
	2016	2	2,230,000.00
	2017	7	11,710,994.00
SPU	2013	7	1,916,000.00
	2014	1	300,000.00
	2015	-	-
	2016	1	45,000.00
SPT	2013	15	30,045,165.90
	2014	18	925,000.00
	2015	29	4,616,615.28
	2016	31	3,169,917.00
	2017	32	13,524,700.00

DAERAH	TAHUN	BILANGAN PROJEK	RM
SPS	2013	6	1,965,141.60
	2014	3	1,957,435.37
	2015	-	-
	2016	11	1,440,534.69
	2017	26	5,532,641.84
JUMLAH		277	135518846.26

RUJ. LAMPIRAN I LOCW (NO. 48)

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Difahamkan, Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) telah membangunkan tanah-tanah wakaf sehingga kini, ada yang telah siap dan difahamkan, ada beberapa projek yang terbengkalai. Sila nyatakan jumlah projek yang telah siap dan yang terbengkalai serta sebab-sebab terbengkalai? Apakah tindakan yang dibuat kepada projek-projek terbengkalai itu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Sehingga kini, terdapat 15 projek Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang telah siap dilaksanakan pembinaannya seperti berikut:
- (i) Pembangunan Wakaf Majoodsaw - siap tahun 1996
 - (ii) Pembangunan Wakaf Masjid Kapitan Keling - siap tahun 2004
 - (iii) Pembangunan Wisma Shiekh Abdullah Fahim - siap tahun 2006
 - (iv) Pembangunan Wakaf Masjid Alimsah Waley - siap tahun 2006
 - (v) Pembangunan Wakaf Masjid Melayu Lebu Acheh - siap tahun 2007
 - (vi) Pembangunan Wakaf Masjid Khan Mohamed - siap tahun 2008
 - (vii) Bazar Wakaf Rakyat Shaikh Eusoff - siap tahun 2010
 - (viii) Bazar Wakaf Rakyat Bayan Baru - siap tahun 2010
 - (ix) Bazar Wakaf Rakyat Bertam - siap tahun 2010
 - (x) Bazar Wakaf Rakyat Jawi - siap tahun 2010
 - (xi) Maahad Al-Mashoor Al-Islami, Lot 247, Jalan Sungai Nipah, Mukim G, Balik Pulau, DBD, Pulau Pinang - siap tahun 2011
 - (xii) Pembinaan Kompleks Darul Hidayah yang merangkumi 1 blok bangunan 3 tingkat asrama / akademik, dewan 1 tingkat dan surau 1 tingkat - siap tahun 2013
 - (xiii) Pembinaan 76 unit rumah teres 2 tingkat dan 9 unit kedai 3 tingkat (Taman Wakaf Seetee Aisah Fasa 1) - siap tahun 2013
 - (xiv) Pembinaan Sebuah Surau Setingkat (Kompleks Pendidikan Al-Mashoor Al-Islami) - siap tahun 2016
 - (xv) Cadangan Membina dan Menyiapkan 2 Blok Apartment 11 Tingkat Di Atas Lot 192, Mukim 1, Seberang Jaya, SPT, Pulau Pinang (tanah Wakaf Muhammad Hashim bin Haji Abdullah) - siap tahun 2017

Tiada projek pembangunan di atas tanah wakaf milik MAINPP yang terbengkalai, tetapi terdapat dua projek yang mengalami masalah kelewatan iaitu:-

- (i) Pembangunan Tanah Wakaf Siti Binti Abdul Rahman di atas Lot 1093 & 1094, Mukim 12, Sungai Nibong, DBD, mengalami masalah tetapi kembali dilaksanakan pada Mac 2015 dan status terkini projek berada di peringkat 74.21% siap.
- (ii) Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Di atas Tanah Wakaf Lot 6247 & 6249, Mukim 7, SPU, kontraktor telah diambil tindakan penamatan kontrak pada Jun 2017. Status terkini berada dalam tindakan ibu pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk penilaian melantik kontraktor baharu dan dijangka akan memulakan kembali kerja pada penghujung Disember 2017.

Dua projek yang bermasalah tersebut merupakan projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui peruntukan daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Kos sara hidup semakin meningkat dan membebankan golongan yang berpendapatan rendah termasuk penjaja berlesen yang berniaga kecil-kecilan. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberikan suntikan Typhoid secara percuma kepada para penjaja kecil-kecilan dan menjadikan program ini salah satu daripada produk isejahtera kerajaan negeri kita?

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Buat masa ini, Pihak Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk memberikan suntikan imunisasi tifoid secara percuma kepada para penjaja kecil. Untuk makluman, caj yang dikenakan untuk suntikan imunisasi tifoid oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ialah RM37.10 bagi warga tempatan dan RM68.90 bagi warga asing. Caj yang dikenakan oleh agensi lain dan klinik swasta adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan caj yang dikenakan oleh PBT di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Untuk menggalak dan mengekalkan golongan wanita dalam sektor pekerjaan, pusat jagaan kanak-kanak dan Taska adalah salah satu faktor yang amat penting. Apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan pusat atau kerajaan Negeri untuk membantu dalam isu ini ? Sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) adalah seperti berikut:
 - (i) Pengwujudan Taska D'KOMTAR yang memberikan perkhidmatan jagaan kanak-kanak bersubsidi untuk anak anggota kerajaan di KOMTAR;
 - (ii) Penerusan pembiayaan dan penyeliaan operasi dua Pusat Jagaan Kanak-Kanak (PJKK) di Daerah Timur Laut dan Daerah Seberang Perai Tengah yang memberi keutamaan kepada kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah; dan
 - (iii) Memberi diskaun 90% ke atas bayaran pemajuan infrastruktur untuk permohonan tukar guna bangunan kediaman kepada TASKA dan PJKK di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi TASKA dan PJKK yang tidak berlesen dan beroperasi sebelum 15 September 2017. Tempoh diskaun ini adalah dari 15 September 2017 sehingga 14 September 2018.

Manakala inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberikan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak sebanyak RM250 sebulan bagi seorang kanak-kanak di TASKA untuk keluarga yang berpendapatan rendah. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah serta meningkatkan enrolmen kanak-kanak di TASKA yang berdaftar dengan JKM. Subsidi ini diberi mengikut kadar yuran sebenar yang dibayar oleh ibu bapa/penjaga bagi seorang kanak-kanak di TASKA, tetapi tidak melebihi nilai maksimum yang ditetapkan. Jika nilai subsidi yuran pengasuhan kanak-

kanak kurang daripada kadar yuran sebenar yang dikenakan, maka lebih perbezaan yuran tersebut adalah di bawah tanggungan ibu bapa/penjaga kanak-kanak yang berkenaan. Tiada sebarang insentif diberikan oleh pihak JKM kepada pengusaha Pusat Jagaan Kanak-Kanak setakat ini;

- (ii) Memberikan geran kepada 25 PJKK pertubuhan sukarela kebajikan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM20,701,010.00. Insentif ini meliputi geran pentadbiran, geran rangsum (kos perbelanjaan makanan dan minuman) dan elaun khas murid OKU.

Secara tidak langsung inisiatif Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah membantu golongan wanita untuk terus kekal dalam sektor pekerjaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Selain daripada pembeli rumah, ramai pekerja-pekerja di bandar perlu menyewa tempat tinggal. Contohnya adalah pekerja-pekerja administratif di pejabat, jururawat-jururawat, pekerja-pekerja bank, serta pekerja-pekerja am di kedai dan restoran. Apakah usaha untuk membantu melindungi kebajikan penyewa dan merancang kesediaan rumah atau bilik sewa untuk golongan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Kerajaan Negeri buat masa ini tiada perancangan untuk membangunkan projek perumahan atau menyediakan perkhidmatan bilik sewa khusus untuk golongan pekerja pentadbiran, jururawat, pekerja am dan sebagainya. Usaha pada masa ini sedang ditumpukan kepada perancangan dan pelaksanaan projek-projek perumahan mampu milik yang secara langsung boleh dimanfaatkan oleh rakyat Pulau Pinang dari kalangan yang berpendapatan rendah dan sederhana termasuk dari golongan pekerja.

Selain itu, pihak majikan dan pemaju juga disarankan supaya menyusul inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan pembinaan lebih banyak asrama pekerja. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) yang bersidang pada 21 Disember 2016 telah bersetuju supaya pertimbangan yang lebih fleksibel diberikan kepada permohonan pemaju yang ingin membangunkan asrama pekerja. Garis panduan semasa menetapkan bahawa saiz sesuatu tapak yang dicadangkan untuk pemajuan asrama berkapasiti 5,000 katil tidak boleh kurang daripada 2 ekar. Atas dasar 'case by case', kebenaran boleh diberi kepada pemajuan di atas tapak yang tidak memenuhi syarat keluasan yang ditetapkan.

Di peringkat ini, 5 permohonan telah dikemukakan untuk pemajuan asrama pekerja iaitu seperti berikut:

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. KATIL
1	Permatang Damar Laut, Batu Maung, DBD	5,000
2	Juru, SPT	6,102
3	Bukit Minyak, SPS	6,642
4	Permatang Tinggi, SPS	4,896
5	Kawasan Perindustrian Valdor, SPS	3,640
JUMLAH KATIL		26,280

Daripada ini, satu telahpun mula pembinaan iaitu projek di Bukit Minyak, SPS yang adalah di peringkat 40% pembinaan.

Selain daripada 5 permohonan yang dikemukakan seperti di atas, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini dalam usaha untuk mengenalpasti dua (2) bidang tanah di kawasan Seberang Perai iaitu di Batu Kawan dan di Utara Bukit Minyak untuk tujuan pembangunan asrama pekerja.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendesak Kerajaan Persekutuan membina sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa yang baru untuk kemudahan rakyat Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil peluang mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam setiap platform yang sesuai agar Kerajaan Persekutuan dapat menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedia ada di Bayan Lepas untuk menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran ini telah dimohon oleh Kementerian Pengangkutan melalui Rolling Plan 3 RMKe-11. Y.A.B Perdana Menteri yang juga adalah Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah mengumumkan kelulusan bagi Bajet 2018 untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Sila nyatakan dengan teliti berapakah jumlah peruntukkan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri kepada semua sekolah di negeri ini berbanding dengan Kerajaan Persekutuan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan khusus di bawah Program Bantuan Pendidikan untuk sekolah-sekolah bantuan modal atau bantuan kerajaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil adalah berjumlah RM10.25 juta setahun sejak tahun 2013 sehingga sekarang. Untuk sekolah agama adalah sebanyak RM55.4 juta tanpa kira pemberian tanah bernilai puluhan juta ringgit sejak tahun 2008.

Tahun	2013 (RM juta)	2014 (RM juta)	2015 (RM juta)	2016 (RM juta)	2017 (RM juta)
Jenis Sekolah					
Sekolah Cina / Persendirian / Mubaligh	8.50	8.50	8.50	8.5	8.50
Sekolah Tamil	1.75	1.75	1.75	1.75	1.75
Jumlah	10.25	10.25	10.25	10.25	10.25

Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan Pembangunan di bawah Maksud Pembangunan P13 Butiran 04 Sekolah Agama Rakyat untuk tujuan membiayai kos membaiki, menaik taraf dan membina sekolah-sekolah agama di Pulau Pinang. Jumlah Peruntukan Pembangunan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2017 bagi Sekolah Agama Rakyat adalah berjumlah RM 22,008,860.00.

Di samping Program Bantuan Pendidikan ini, Kerajaan Negeri mulai tahun 2008 telah memberikan sumbangan tambahan *ex-gratia* sebanyak RM50.00 sebulan kepada guru-guru KAFA. Pada tahun 2016 sebanyak RM930,000.00 telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk pembayaran pemberian *ex-gratia* kepada seramai 1,550 orang guru KAFA. Kerajaan Negeri juga mulai tahun 2010 telah memperuntukkan dalam bajet tahunan pemberian bantuan khas kewangan/ bonus kepada guru-guru KAFA dan mulai tahun 2012 telah menyediakan bajet untuk tujuan pemberian sugu hati Hari Raya Aidilfitri kepada guru-guru agama, tahfiz, pondok dan TADIS.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah membelanjakan sebanyak RM 62.69 juta dari tahun 2008 sehingga kini untuk tujuan pengambilan tanah bagi projek-projek keagamaan Islam seperti pembinaan masjid, surau, sekolah agama dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk pembiayaan sekolah-sekolah agama di Negeri Pulau Pinang (tanpa mengambil kira kos pengambilan tanah) dari tahun 2008 hingga tahun 2017 adalah berjumlah RM 55,380,360.00. Dengan pengambilan tanah ataupun pemberian tanah Kerajaan, kosnya akan menambah perbelanjaan untuk Sekolah Agama sekurang-kurangnya hampir RM10 juta lagi.

Pecahan peruntukan yang diluluskan mengikut tahun dari tahun 2008 hingga 2017 adalah seperti jadual berikut:

Tahun	Program Bantuan Pendidikan (RM)	Sumbangan ex gratia guru-guru KAFA (RM)	Bantuan Khas Kewangan / Bonus kepada Guru KAFA(RM)	Pembangunan P13 (04) – Sekolah Agama (RM)	Jumlah (RM)
2008	88,250	659,250	-	2,500,030	3,247,530
2009	1,500,000	879,000	-	3,668,800	6,047,800
2010	1,750,000	913,200	487,500	2,560,000	5,710,700
2011	1,750,000	900,000	984,500	1,700,000	5,334,500
2012	1,750,000	912,000	1,078,900	1,100,020	4,840,920
2013	1,750,000	886,800	1,526,500	1,850,000	6,013,300
2014	1,750,000	885,600	1,147,800	2,850,000	6,633,400
2015	1,750,000	895,800	1,209,900	1,600,010	5,455,710
2016	1,750,000	930,000	1,256,500	2,030,000	5,966,500
2017	1,750,000	930,000	1,300,000	2,150,000	6,130,000
Jumlah	15,588,250	8,791,650	8,991,600	22,008,860	55,380,360

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Apakah status tiga (3) projek lebuhraya di Pulau Pinang iaitu jalan raya berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, jalan pintas yang menghubungkan Gurney Drive ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan jalan pintas yang menghubungkan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu ke Bandar Baru Air Itam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Status pelaksanaan Projek Jalan-Jalan Utama di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Kajian kebolehlaksanaan untuk Projek Jalan-Jalan Utama yang melibatkan 3 pakej jalan, iaitu Pakej 1 jalan melibatkan pembinaan Jalan Berkembar dari Tanjong Bungah ke Teluk Bahang, Pakej 2 yang melibatkan Jalan Pintas (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam dan Pakej 3 bagi Jalan Pintas (*By-pass*) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Persiaran Gurney telah disiapkan pada 12 Mei 2015. Reka bentuk Terperinci Awal (*Preliminary Detailed Design*) juga telah siap pada 26 Januari 2016 untuk membolehkan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Detailed Environmental Impact Assessment-DEIA*) dimulakan. Laporan kajian DEIA telah disiapkan dan dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 21 April 2017 dan kini sedang menunggu keputusan daripada pihak JAS.

Pembinaan bagi Projek Jalan-Jalan Utama dijangka bermula pada pertengahan 2018 setelah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) Kelulusan DEIA oleh Kerajaan Persekutuan;
- (ii) Proses pengambilan balik tanah oleh Pejabat Daerah dan Tanah / Proses pelepasan Tanah Persekutuan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG); dan
- (iii) Penyiapan kerja-kerja tebus guna tanah bagi tanah yang akan digunakan sebagai bayaran kos projek.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Rumah Pangsa Awam, Taman Free School:
- (a) Berapakah keluasan tanah di Pangsa Awam di Taman Free School di bawah Bahagian Perumahan SUK dan MBPP?
 - (b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menaiktaraf atau membina semula? Jika ada, bila akan dilaksanakan dan nyatakan kos diperlukan.

- (c) Jika tidak, apakah perancangan selanjutnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. (a) Keluasan tapak Rumah Pangsa Taman Free School adalah 7.428 hektar. Daripada luas keseluruhan ini, 3.733 hektar adalah pemilikan Setiausaha Kerajaan Negeri manakala baki 3.695 hektar adalah tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- (b) Berkenaan rancangan penaiktarafan projek skim perumahan ini, sememangnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan MBPP telahpun melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan sejak tahun 2010 yang merangkumi:-

Bahagian Perumahan

No.	Jenis Kerja	Jumlah
1	Kerja-kerja awam	RM2,607,670.21
2	Kerja-kerja elektrik	RM255,081.18
3	Kerja-kerja mekanikal	RM321,698.60
JUMLAH KESELURUHAN		RM3,184,449.99

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

No.	Jenis Kerja	Jumlah
1	Kerja-kerja pembukaan ruang tambahan di tingkat 3 dan 7 Blok L, M dan N	RM148,500.00
2	Kerja-kerja pembukaan dan penambahan pintu lif di Blok L, M dan N	RM318,000.00
3	Kerja-kerja menggantikan pam motor bekalan air dan pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di Blok L, M dan N	RM763,500.00
4	Kerja-kerja menaik taraf tandas unit kediaman Blok L, M dan N	RM1,450,000.00
5	Kerja-kerja mengecat semula Blok L, M dan N	RM535,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM3,215,000.00

Jumlah keseluruhan yang dibelanjakan adalah RM6,399,449.99 dan sebarang projek-projek penaiktarafan akan terus dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Bilakah rumah mampumilik yang sedang di bina di kampung Jawa, Bagan Dalam akan siap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sedang giat memajukan beberapa projek perumahan mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Di Daerah Seberang Perai Utara, PDC sedang dalam fasa pelaksanaan pembinaan projek Jiran Residensi di Kampung Jawa, Butterworth. Projek ini bakal menyediakan sebanyak 353 unit RMM B dan 354 unit RMM C. Projek ini dijadualkan siap pada Oktober 2018 di mana kemajuan terkini adalah sebanyak 83%.

Pelaksanaan projek-projek RMM ini merupakan bukti iltizam Kerajaan Negeri dalam menyediakan kediaman yang mencukupi, dijual pada harga berpatutan dan dibangunkan di lokasi-lokasi strategik untuk manfaat rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Senaraikan semua tanah dan hartanah dengan terperinci (nama/lokasi/lot nombor/luasan/kegunaannya/status kini dan lain-lain) yang diserahkan kepada dan diperolehi CMI. Juga senaraikan tanah atau Hartanah CMI yang telah dipajakan, dijual, ditOLkan dan lain-lain dengan terperinci. Huraikan tujuan/struktur/mekanisme/polisi CMI. Huraikan peruntukan kepada CMI.

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Senarai tanah dan hartanah yang diserahkan kepada dan diperolehi Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) beserta status semasa penggunaannya seperti di **Lampiran A** akan diletak di meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

CMI ditubuhkan pada 21 Julai 2009 bertujuan untuk menjana pendapatan dan hasil yang lebih tinggi kepada Kerajaan Negeri melalui aset-aset sedia ada, khususnya tanah dan hartanah Kerajaan Negeri. Melalui Enakmen 9, Enakmen Ketua Menteri Pulau Pinang (Pemerbadanan) 2009 perkara 4 membolehkan CMI:

- (i) membuat kontrak;
- (ii) memperoleh, memegang dan menikmati apa-apa perihalan harta alih dan harta tak alih; dan
- (iii) menjual, menggadai janji atau selainnya melupuskan apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan.

CMI bertanggungjawab merancang dan menilai peluang-peluang pelaburan yang berskala besar dan berpotensi menjana ekonomi negeri. CMI juga dibenarkan memasuki usaha niaga komersial atau perusahaan atau usaha sama dengan mana-mana orang atau organisasi.

Mekanisma pelaburan projek yang digunakan oleh CMI adalah secara pengiklanan sebutharga, tender dan juga *Request For Proposal* (RFP) berdasarkan arahan Kerajaan Negeri dan diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri (JKTN) dan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

Peruntukan kepada CMI sejak penubuhannya adalah berjumlah RM16,758,473.99 yang diselaraskan bersama bajet mengurus di bawah Maksud Bekalan B01 Aktiviti (033) Pejabat Ketua Menteri. Perincian peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2010	687,000.00
2011	1,850,990.00
2012	2,005,580.00
2013	2,049,980.00
2014	2,122,400.00
2015	2,509,430.00
2016	2,632,263.99
2017	2,900,830.00
JUMLAH KESELURUHAN	16,758,473.99

RUJ. LAMPIRAN A LTYC (NO. 58)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Datuk Sr Dr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Perincian perbelanjaan yang telah digunakan untuk membida Penang Asia Pacific Masters Games 2018 dan berapakah jumlah yang dibelanjakan serta bilangan pegawai yang terlibat dalam mempromosikan acara ini di Shanghai, Osaka, Auckland, London dan tempat-tempat lain. Berapakah kos perbelanjaan ke Olimpik Rio de Janeiro di Brazil dan senaraikan peserta rombongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Proses bidaan Asia Pacific Masters Games (APMG) Penang 2018 telah diasaskan oleh Malaysia Major Events (MME) iaitu satu Bahagian di bawah Malaysia Convention and Exhibition Bureau (MyCEB) yang merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Semua perbelanjaan yang digunakan untuk proses bidaan APMG Penang 2018 adalah menggunakan peruntukan MME.

Setakat ini, APMG Penang 2018 telah dipromosikan di Perancis, Auckland, New Zealand, Jepun dan Shanghai. Perincian kos dan bilangan pegawai yang terlibat dalam mempromosikan APMG Penang 2018 adalah seperti berikut:

BIL.	TEMPAT	JUMLAH PEGAWAI	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1.	Nice, Perancis	2	76,127.80
2.	Auckland, New Zealand	9	138,207.94
3.	Hyogo, Jepun	4	62,910.00
4.	Jiangsu, China	2	8,144.93
JUMLAH			285,390.67

Lawatan ke Sukan Olimpik Rio ke-31 2016 Brazil adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meninjau serta mempelajari kaedah penganjuran kejohanan bertaraf antarabangsa serta pengurusan tempat pertandingan dan kaedah pengendalian teknikal melibatkan sukan-sukan berprestasi tinggi memandangkan negeri Pulau Pinang kini sedang menasarkannya ke arah Bandaraya Sukan Bertaraf Antarabangsa. Ianya juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada delegasi lawatan sebagai persediaan awal untuk penganjuran APMG Penang 2018. Lawatan ini juga bertujuan untuk memberi sokongan kepada beberapa atlet negeri Pulau Pinang dari pelbagai jenis sukan yang terpilih untuk mewakili negara ke temasya Sukan Olimpik ke-31 Rio, Brazil.

Delegasi lawatan terdiri daripada dua (2) orang iaitu YB Chong Eng, Pengerusi Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Pulau Pinang dan Cik Linda Geh Guat Yeow, Ahli Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang. Kos lawatan keseluruhan adalah berjumlah RM105,410.00.

Untuk makluman, tiada lawatan promosi APMG yang dijalankan di London.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Berapa projek tebatan banjir yang dibangunkan dengan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di setiap daerah dari tahun 2008 hingga kini? Sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Sejak tahun 2008 hingga September 2017, sebanyak 2,207 projek tebatan banjir dengan kos RM300.09 juta telah dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri. Projek-projek ini melibatkan kerja pembinaan sistem saluran pencegahan banjir, menaik taraf sistem saluran sedia ada dan lain-lain. Projek-projek ini tidak termasuk kerja-kerja bagi penyelenggaraan sistem saluran sedia ada. Manakala sebanyak 32 projek tebatan banjir bernilai RM1.112 bilion telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui projek-projek di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 yang bermula pada tahun 2006 hingga Rancangan Malaysia Ke-11 setakat September 2017. Maklumat perincian bilangan dan peruntukan projek tebatan banjir bagi setiap tahun mengikut daerah akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat setelah tamat sesi soalan lisan.

RUJ. LAMPIRAN A LSLC (NO. 60)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Dato' Haji Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah berjanji akan memasang lampu isyarat pada tahun ini 2017 di dua persimpangan jalan Pokok Tampang - Tasek Gelugor dan Tasek Gelugor - Kubang Menerong yang mana sehingga Oktober 2017 belum nampak tanda-tanda lagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Cadangan pemasangan lampu isyarat di dua (2) persimpangan iaitu Jalan Pokok Tampang dengan Jalan Tasek Gelugor dan persimpangan Jalan Kubang Menerong dengan Jalan Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara telah diluluskan dalam Majlis Penuh MPSP pada 25 Oktober 2016. Pemasangan lampu isyarat ini akan dilaksanakan oleh JKR pada tahun 2018 memandangkan keutamaan diberikan kepada pembinaan lampu isyarat dan naiktaraf jalan di tempat lain yang lebih mendesak berbanding dengan 2 kawasan ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Sejauh manakah konsep *Gender Responsive Participatory Budgeting*, *GRPB* diaplikasi dalam proses pembentukan belanjawan kerajaan negeri?

Terangkan peranan ADUN dan badan bukan kerajaan NGO dalam proses pembentukan belanjawan Kerajaan Negeri?

Nyatakan kesediaan kerajaan negeri membuka ruang kepada wakil rakyat dan *stakeholders* untuk menyuarakan pandangan dan cadangan dalam bajet dialog Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

62. Konsep *Gender Responsive Participatory Budgeting (GRPB)* telah mula diaplikasikan sejak penubuhan Perbadanan Kemajuan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada November 2011. Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menzahirkan komitmen, ketegasan dan kesungguhan mereka untuk menyerlah sebagai institusi-institusi responsif gender dengan memperuntukkan dana kepada PWDC untuk tujuan tersebut. Kedua-dua pihak berkuasa tempatan dan Kerajaan Negeri sedar akan hakikat bahawa setiap kelompok masyarakat mempunyai keperluan berlainan dan berbeza kesedaran ini Kerajaan Negeri sentiasa memastikan setiap keputusan di dalam belanjawan negeri adalah berpaksikan kepada penentuan keperluan yang harus diutamakan serta memastikan sumber sedia ada memberi manfaat yang optimum kepada setiap kumpulan sasar Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri dengan kerjasama PWDC akan terus berusaha untuk memastikan pengaplikasian GRPB dalam penyediaan belanjawan dapat ditingkatkan pada masa akan datang.

Belanjawan Kerajaan Negeri terutama sekali bajet pembangunan sememangnya disediakan dengan mendapatkan input daripada pelbagai pihak termasuk ADUN dan badan bukan kerajaan (NGO). Projek-projek pembangunan yang dirancang untuk pelaksanaan dikemukakan oleh jabatan-jabatan kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan lain-lain setelah mengambilkira input yang diterima di dalam mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah, JKKK dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Mesyuarat-mesyuarat ini yang dianggotai oleh YB MMK, YB ADUN, Ketua-ketua Jabatan dan badan-badan bukan kerajaan menjadi platform terbaik untuk memberi input berkaitan projek yang perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri serta maklumat ini akan digunakan untuk penyediaan belanjawan Kerajaan Negeri nanti. Sehubungan itu, ADUN dan NGO memainkan peranan yang penting dalam mengenalpasti masalah dan keperluan masyarakat setempat dan maklumat tersebut menjadi sumber penting dalam penyediaan belanjawan Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri bersedia untuk membuka ruang kepada wakil rakyat dan *stakeholders* bagi memberi pandangan dan cadangan sekiranya sesi dialog bajet Kerajaan Negeri dilaksanakan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. (a). Apakah usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan durian tempatan Pulau Pinang?

- (b). Apakah insentif yang Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu petani durian tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

63. (a) Durian Pulau Pinang telah pun menjadi produk identiti (*signature product*) bagi Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menjalankan pelbagai langkah dalam usaha membantu petani untuk meningkatkan produktiviti, kualiti dan seterusnya mengukuhkan jenama Durian Pulau Pinang.

Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah dengan berkerjasama dengan pihak *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO) bagi mendaftar Petunjuk Geografi (GI) "Durian Balik Pulau". Ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi identiti produk durian dan seterusnya bertindak sebagai satu mekanisme dalam mempromosikan durian Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, D11, D15, D163 (Horlor), D164 (Ang Bak), D166 (Balik Pulau 604) dan D175 (Udang Merah) telah berjaya didaftarkan. Kerajaan juga berhasrat supaya lebih banyak klon / varieti durian dapat didaftar bagi tujuan ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menganjurkan Pesta Durian di Daerah Balik Pulau yang bertujuan mempromosikan durian selain menyokong kepada pesta durian yang dianjurkan oleh pihak swasta / persendirian seperti Pesta Durian di Jawi, Seberang Perai Selatan (SPS) yang dianjurkan oleh Persatuan Penanam Durian. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menganjurkan Pertandingan Durian Terbaik bagi membolehkan klon-klon durian baru diketengahkan.

- (b) Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai insentif dalam membantu petani durian tempatan. Antara insentif dan bantuan yang diberikan ialah Program Cantuman Dewasa. Melalui program ini, tanaman durian yang tua dan tidak produktif ditebang dan dilakukan cantuman dengan menggunakan benih klon-klon bermutu tinggi seperti D200 (Ochee), D197 (Mousang King), D175 (Ang Hea) dan D163 (Horlor).

Selain itu juga, Kerajaan turut memberikan insentif dalam bentuk latihan seperti Program Pengembangan Teknologi Pertanian dalam melatih petani ke arah pengamalan pertanian moden yang seterusnya mempertingkatkan kualiti dan kuantiti durian yang dihasilkan.

Dalam masa yang sama, bagi petani-petani durian yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik, Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukan *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO) berbentuk insentif teknologi pertanian kepada petani seperti bantuan peralatan yang bersesuaian.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri turut menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam memantau perkembangan tanaman durian supaya pokok bebas daripada serangan dan penyakit berbahaya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Di bawah sektor pembangunan belia dan wanita, adakah Kerajaan Negeri berjaya mempromosi, memberi dorongan dan bantuan kepada belia dan wanita dalam sektor perdagangan, perindustrian serta seni, muzik dan budaya? Sila senaraikan nama individu yang telah berjaya dalam *career* mereka yang dibantu dan dipromosi oleh kerajaan negeri dalam sektor yang disebutkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Kerajaan Negeri sentiasa memberi dorongan dan bantuan kepada belia dan wanita dalam pelbagai sektor termasuk sektor perdagangan, perindustrian, seni, muzik dan budaya. Antara kejayaan yang dicapai adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Negeri melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang dan Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) Negeri Pulau Pinang telah berjaya mempromosikan, memberi dorongan dan bantuan kepada belia dan wanita dalam sektor keusahawanan. Melalui Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang terdapat seramai 1,752 belia dan 1,522 wanita yang telah menerima bantuan pinjaman. Manakala melalui Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) terdapat seramai 75 belia dan 11 wanita menikmati kemudahan pinjaman ini.

Berdasarkan kepada penganjuran Anugerah Usahawan Berjaya PTSR 2014 yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri, terdapat 4 individu yang berjaya dalam karier mereka seperti berikut:

Bil	Nama	Jenis Perniagaan
1.	Rosidah Binti Mansor	Kuih Muih (FROZEN Food)
2.	Bibi @ Kusum A/P M.J.Vora	Pakaian
3.	Sharifah Binti Embi	Jahitan
4.	Siti Salwa Binti Zulkifli Mohd	Barangan Runcit

- (ii) Kerajaan Negeri melalui Penang Women's Development Corporation (PWDC) telah menganjurkan bengkel eRezeki di Bayan Lepas dan Seberang Perai. Program eRezeki membantu peserta mempelajari kemahiran baru dan membolehkan mereka menjana pendapatan menerusi kaedah digital. Pada peringkat ini, tiada individu yang telah berjaya melalui program ini memandangkan program ini baru dimulakan pada September 2017.
- (iii) Kerajaan Negeri melalui program *VOICES* yang dilaksanakan sejak tahun 2014 juga telah berjaya mempromosi, memberi dorongan dan bantuan kepada belia dan wanita dalam bidang seni. Tujuan program ini adalah untuk melahirkan lebih ramai penulis yang boleh menghasilkan penulisan kreatif dan dapat mengutarakan isu-isu keganasan mahupun hak wanita yang melibatkan pengalaman sendiri mahupun yang berlaku di dalam masyarakat. Bilangan penulis bertambah dari 6 orang pada tahun 2014 kepada 15 orang pada tahun 2017. Semua hasil tulisan dibukukan dan diterbitkan untuk bacaan umum. Perancangan yang lebih lanjut sedang dibuat untuk membolehkan penulis kreatif berlandaskan isu dan hak wanita mendapat platform yang terbaik untuk perkembangan penulis profesional *VOICES*. Sejak tahun 2014, *VOICES* telah diberi pengiktirafan sebagai acara tetap *Georgetown Literary Festival* (GTLF), yang mendapat perhatian dunia sastera antarabangsa. Tahun ini, pembentangan *VOICES* akan diadakan pada 26hb November 2017.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Dilaporkan di akhbar SPRM akan umum *ranking* kementerian berdasarkan kedudukan isu rasuah dan salah guna kuasa hujung 2017 merangkumi senarai 10 kementerian paling bermasalah dan 5 paling bersih bertujuan ke arah perkhidmatan berintegriti. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan cara yang sama untuk kebaikan pentadbiran negeri dan jelaskan kaedah yang akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Kerajaan Negeri masih lagi sedang menunggu pengumuman ranking kementerian berdasarkan kedudukan isu rasuah dan salah guna kuasa yang merangkumi 10 kementerian paling bermasalah dan 5 paling bersih yang akan dibuat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kerajaan Negeri yang selama ini mengamalkan Amalan Pentadbiran yang berlandaskan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus) amat mengalu-alukan langkah tersebut dan bersedia untuk melaksanakan pendekatan yang dilaksanakan oleh SPRM demi kebaikan dan manfaat terhadap kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan pembudayaan integriti pentadbiran Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan ekosistem di negeri ini tidak terjejas dengan kepesatan pembangunan seperti projek tebus guna tanah di kawasan pantai dan pembinaan di lereng bukit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

66. Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap projek pembangunan di Pulau Pinang tidak menjejaskan ekosistem adalah dengan memastikan perkara-perkara berikut:-

(a) Projek Tebus Guna Tanah di Kawasan Pantai

Projek-projek tebus guna yang dicadangkan perlu mengikut sepenuhnya Rancangan Fizikal Negara ke-3 (RFN 3) di bawah Teras 2 Kemampunan Spatial dan Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim yang memperincikan perihal kawalan ke atas aktiviti penambakan tanah dan tebus guna di kawasan persisiran pantai. Berdasarkan kepada dasar ini, sebarang bentuk projek tidak dibenarkan di kawasan-kawasan seperti berikut:-

- (i) Kawasan hutan bakau serta tanah lembap yang telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan;
- (ii) Kawasan sensitif alam sekitar mengikut Garis Panduan Perancangan;
- (iii) Pemuliharaan dan pembangunan kawasan sensitif alam sekitar persisiran pantai;
- (iv) Kawasan-kawasan lain yang diiktiraf mempunyai nilai ekologi, kebudayaan dan ekonomi yang tinggi; dan
- (v) Zon perlindungan pantai yang telah dikenal pasti dalam RFN ke-3.

Selain itu, projek pembangunan tanah juga perlu mematuhi Garis Panduan Integrated Coastal Zone Management (ICZM) dan Pelan Pengurusan Pantai Berintegrasi (ISMP) yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Dalam hal ini, sebarang pertimbangan ke atas kawasan tebus guna adalah tertakluk kepada kajian-kajian terperinci Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA), hidrodinamik, hidrologi serta perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri dan perlu merujuk kepada Kajian Kemungkinan ke atas Tebus Guna Tanah oleh Pusat Kajian Samudera Pantai (CEMACS), Universiti Sains Malaysia (USM).

(b) Projek Pembinaan di Lereng Bukit

Bagi projek pembinaan di lereng bukit, Kerajaan Negeri menggunakan pakai sepenuhnya Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) di bawah dasar DK3 L1 yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007 yang menghadkan pembangunan bagi projek istimewa di kawasan aras tanah ketinggian 76m (250 kaki) atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan, mendapat kelulusan EIA serta mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Selain itu, setiap permohonan pembangunan di lereng bukit juga disyaratkan untuk menyediakan laporan geoteknikal dan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Tanah Berisiko Negeri yang diurus setia oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri sebelum ianya dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) untuk pertimbangan dan kelulusan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Apakah pelan jangka pendek dalam menghadapi masalah banjir di Negeri Pulau Pinang. Huraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Bagi menangani isu banjir di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang bersepadu bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah untuk menangani fenomena banjir di Pulau Pinang. Dalam hal ini, terdapat tiga (3) pendekatan utama yang diambil oleh Kerajaan Negeri.

Pendekatan pertama melibatkan operasi pembersihan parit utama yang bermasalah yang dilaksanakan secara mekanikal dengan menggunakan kemudahan jentera pembersihan *Art Gully*

Emptier secara berkala. Selain kerja-kerja menaiktaraf parit dan pintu air serta membina Rumah Pam Kawalan Banjir di taman perumahan yang menghadapi masalah banjir, Pihak Berkuasa Tempatan juga melaksanakan pembersihan parit besar, perangkap sampah (*thrash screen*) dan parit *scupper* secara berkala. Bagi memastikan fenomena banjir tidak berlaku di kawasan bandar bahagian pulau, MBPP telah membuat penyelenggaraan ke atas 28 parit besar sebanyak 4 kali setahun di mana purata pelupusan kelodak pasir bagi setiap pusingan adalah dalam lingkungan 500 tan bagi tahun ini. Dalam masa yang sama, MBPP juga menjalankan kerja-kerja pembersihan 161 premis dan struktur binaan secara berfasa di bawah Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang bagi mengatasi masalah pencemaran. Baki 6 buah premis akan dilaksanakan tertakluk kepada proses penempatan semula yang sewajarnya. Pejabat Daerah dan Tanah juga mengambil tindakan di kawasan-kawasan bawah seliaan PDT dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan, membina dan menaiktaraf sistem saliran dan perparitan di kawasan-kawasan 'hotspot' yang dikenalpasti.

Selain itu, satu skuad pemantauan dan tindakan operasi bencana juga telah ditubuhkan untuk menyelaraskan mekanisme dan mengenalpasti punca kejadian banjir dan bertindak serta membantu di dalam merancang langkah-langkah pemulihan dari segi teknikal dan operasi pembersihan.

Pendekatan kedua Kerajaan Negeri adalah melalui Kawalan Pembangunan Baharu di mana pemaju projek pembangunan yang baharu di dalam kawasan bandaraya *George Town* akan dikenakan syarat untuk menaiktaraf parit utama yang berada di sekeliling kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang telah digariskan oleh *Japan International Cooperation Agency* (JICA). Manakala bagi projek pembangunan baru di luar kawasan bandaraya *George Town* pula, JPS akan mengenakan syarat kepada pemaju untuk menaiktaraf sistem saliran yang terlibat dengan pembangunannya mengikut Panduan Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Saliran Dan Pengurusan Air Ribut Daerah Barat Daya atau kajian-kajian tebatan banjir yang telah dijalankan untuk kawasan-kawasan tertentu. Bagi kawasan di Seberang Perai pula, MPSP akan mewajibkan pihak pemaju supaya mematuhi dan mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk mereka bentuk sistem perparitan bagi semua cadangan pembangunan. Selain itu, MPSP juga memantau semua projek pembangunan baharu yang dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan. Dalam masa yang sama, JPS sedang menjalankan kajian Pelan Induk Saliran bagi Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan dan Daerah Timur Laut.

Pendekatan ketiga yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah melalui Projek-projek Tebatan Banjir di mana projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Dalam pelaksanaan rancangan tebatan banjir, JPS bertindak sebagai agensi utama (*lead agency*) yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini. Selama ini, MBPP, JPS dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini. Beberapa *hotspot* banjir telah dikenalpasti melalui kajian dan untuk itu, projek-projek tebatan banjir telah dan sedang dilaksanakan bagi mengurangkan masalah banjir.

Lain-lain usaha seperti pertubuhan skuad khas untuk memantau keadaan parit-parit monsun dan saliran perparitan di seluruh Pulau Pinang khususnya kawasan berisiko banjir dan menjalankan pembersihan dari masa ke semasa bagi mengelakkan sistem saliran tersumbat. Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan lebih banyak kempen kesedaran alam sekitar kerana didapati salah satu faktor yang menyebabkan banjir adalah sampah-sampah yang menyebabkan saluran tersumbat juga dilaksanakan.

Selain itu, Kerajaan Negeri di bawah Bajet 2017 telah memperuntukkan RM150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan 9 projek *high impact*.

Dengan ini diharapkan fenomena banjir di negeri ini dapat ditangani dengan usaha bersama pelbagai pihak.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Sila nyatakan jumlah staf di Pejabat Ketua Menteri mengikut tahun dan jawatan dari tahun 2008 hingga 2016. Berapakah jumlah gaji yang terpaksa dibayar kepada staf pada setiap bulan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Jumlah anggota di Pejabat Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang mulai tahun 2008 hingga tahun 2016 adalah seperti Jadual di bawah:

Bil	Tahun	Jumlah Anggota
1	2008	16
2	2009	15
3	2010	17
4	2011	17
5	2012	18
6	2013	19
7	2014	20
8	2015	20
9	2016	21
Jumlah Keseluruhan		163

Jumlah keseluruhan emolumen semasa yang dibayar kepada anggota-anggota Pejabat Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang adalah sebanyak RM102,655.10 sebulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Kawasan Kampung Batu Gantung, Taman Lumba Kuda yang terperangkap diantara sungai Air Itam (Masjid Negeri) dan sungai Batu Gantong (Turf Club, Bukit Perkuburan Batu Gantong) sentiasa mengalami perbanjiran yang teruk, selain daripada kaedah semasa yang dilaksanakan yang terbukti tidak berapa berkesan, apakah strategi kerajaan untuk menyelesaikan masalah banjir di situ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Masalah banjir di kawasan Kampung Batu Gantung dan Taman Lumba Kuda adalah disebabkan oleh pertemuan Sungai Ayer Itam dan Sungai Kecil di Jalan Scotland yang menyebabkan air hujan tidak dapat disalurkan dengan cepat ke Sungai Pinang dan air sungai melimpah di kawasan ini.

Untuk itu, 2 strategi akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengatasi dan mengurangkan risiko kejadian banjir kilat di kawasan tersebut merangkumi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Bagi strategi Jangka Masa Pendek, JPS akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan sungai dan parit monsun secara berkala. Selain itu, JPS juga menjalankan kerja-kerja kecemasan dengan menggunakan peruntukan mengurus dan caruman perparitan.

Manakala bagi penyelesaian jangka panjang pula, pihak JPS Negeri Pulau Pinang akan menjalankan kerja-kerja tebatan banjir Sungai Pinang Fasa 2 bagi mengatasi banjir di dalam kawasan lembangan Sungai Pinang dan seterusnya di kawasan-kawasan sekitar Sungai Pinang. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa 2 dengan kos RM150 juta ini akan merangkumi skop seperti berikut:-

- i. Pelebaran dan mendalam Sungai Pinang serta 6 cabang sungai;
- ii. Meninggikan tebing Sungai Pinang;
- iii. Pembinaan kolam takungan di Sungai Ayer Itam;
- iv. Menaik taraf 3 jambatan yang dikenal pasti rendah dan menghalang laluan air;

- v. Membina *river mouth barrage*;
- vi. Membina rumah pam;
- vii. Menaik taraf sistem saliran sedia ada; dan
- viii. Memasang sistem SCADA info banjir

Dengan terlaksananya Projek RTB Sungai Pinang ini, maka kejadian banjir kilat di kawasan terbabit dapat dikurangkan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 70. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di Pulau Pinang dan berapakah peruntukan sumbangan yang diberikan kepada mangsa - mangsa banjir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 70. Bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM150 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) juga telah memperuntukkan sejumlah RM11.61 juta untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir kilat di kawasan bandaraya. Antaranya ialah menaiktaraf sistem saliran di Hilir Sungai Pinang, Sistem Saliran Bandar S10, Parit Lumba Kuda, lencongan Sungai Jelutong di Jalan Tengku serta Jalan Merican dan Lebuhraya McNair.

Kerajaan Negeri juga melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mencadangkan projek-projek sebanyak RM9.45 juta untuk menangani isu banjir kilat di mana RM7.5 juta adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan parit monsun dan kolam takungan, penyelenggaraan rumah pam sebanyak RM0.25 juta dan RM1.7 juta pula bagi projek penyelenggaraan di kawasan perindustrian.

Kerajaan Negeri telah memutuskan bagi mangsa banjir pada 15 September 2017, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan sumbangan *one-off* sebanyak RM400.00 kepada mangsa banjir yang mengalami kerugian akibat kerosakan bangunan dan kenderaan.

Peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran (RM150 juta)

1	Sungai Permatang Rawa, Daerah Seberang Perai Tengah	RM12.6
2	Padang Lalang/ Kg. Permatang Rawa	RM19.1
3	Bukit Tengah,	RM19.0
4	Taman Mangga/ Jalan Juru	RM11.5
5	Alma	RM9.6
6	Mak Mandin,	RM40.0
7	Sungai Relau, bayan baru	RM20.1
8	Taman Iping, Daerah Barat Daya	RM13.6
9	Kampung Naran, Daerah Barat Daya	RM4.5

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 71. (a) Senaraikan keluasan tanah sawah yang ditambun secara haram dan yang diberi kelulusan oleh PBT dari 2008 hingga 2017 mengikut daerah.
- (b) Apakah tindakan oleh PBT setelah tiada kelulusan kerja tanah?
- (c) Apakah yang akan jadi kepada tanah sawah yang telah ditambun secara haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

71. (a) Tanah sawah berkeluasan 95.4684 ekar telah ditambun di Pulau Pinang. Senarai tanah sawah yang telah ditambun dengan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan secara haram adalah seperti di **Lampiran A** yang akan diletak atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.
- (b) Antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri bagi menghalang penambahan tanah-tanah sawah yang aktif untuk projek pembangunan atas tanah lot ialah seperti berikut:
- (i) Mengeluarkan Notis Berhenti Kerja di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;
 - (ii) Mengambil tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 70A, Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 yang memperuntukan apabila disabitkan, denda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan denda boleh meningkat sebanyak RM500.00 setiap hari kesalahan diteruskan;
 - (iii) Tindakan penguatkuasaan terhadap kerja-kerja tambun tanpa kebenaran Majlis di bawah Seksyen 27 atau 28 Akta Perancang Bandar & Desa 1976; dan
 - (iv) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan.
- (c) Tanah sawah yang telah ditambun secara haram akan diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1974. Melalui akta ini, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengarahkan pemilik dan juga penduduk di tanah terbabit untuk menghentikan pemajuan dengan serta-merta dan memulihkan semula keadaan di tapak tersebut seperti sebelum pemajuan itu dimulakan.

RUJ. LAMPIRAN A LMYMN (NO. 71)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

72. Bilakah Enakmen Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang 2017 dijangka akan berkuatkuasa sepenuhnya? Sejauh manakah pengenalpastian kawasan lapang yang akan diserahkan kepada Perbadanan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

72. Rang Undang-Undang Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas pada Mei 2017 dan digazetkan pada 28 September 2017.

Senarai kawasan lapang dan stadium yang berpotensi untuk diperbadankan sedang diselaraskan dengan kerjasama semua Jabatan Kerajaan yang berkaitan. Senarai tersebut akan dibentangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan sebelum Perbadanan ini dikuatkuasakan sepenuhnya.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

73. Sila senaraikan ajaran-ajaran salah dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang telah diwartakan dan tarikh bila diwartakan? Dan di antara perkara yang telah diwartakan, berapakah kes yang telah diambil tindakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

73. Terdapat 18 ajaran-ajaran salah dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang telah diisytiharkan oleh Jabatan Mufti sebagai ajaran dan fahaman sesat di negeri Pulau Pinang. 16 daripadanya telah diwartakan di antara tahun 1996 hingga 2016, manakala dua lagi dalam proses pewartaan.

Senarai maklumat terperinci mengenai ajaran dan fahaman yang diisytiharkan sesat oleh Jabatan Mufti dan tarikh diwartakan akan diletakkan atas meja Yang Berhormat selepas selesai soalan lisan seperti di **Lampiran A**.

Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap tiga (3) kes ajaran dan fahaman sesat berikut :-

- (i) Pusat Rawatan Tradisional Al-Tafwidh di Seberang Jaya ;
- (ii) Bomoh Pak Jalil di Jln Sg Lembu, Mengkuang, Bkt Mertajam, SPS ; dan
- (iii) Ajaran Dewanbag Sharif (Bangladesh) di Batu Maung, DBD .

Manakala tiga (3) lagi kes ajaran dan fahaman sesat berikut sedang dalam tindakan risikan dan pemantauan bagi pengumpulan maklumat :-

- (i) Ajaran Tok Mat Janggut di Kg. Seberang Tok Doi, Lahar Yooi, SPU;
- (ii) Ajaran Syiah di Kg. Selamat, Tasek Gelugor, SPU dan Batu Feringghi, DBD; dan
- (iii) Ajaran Taslim di Kg Seronok Balik Pulau, DBD.

RUJ. LAMPIRAN A LNA (NO. 73)

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

74. Banjir kilat yang berlaku pada 15 September 2017 berpunca daripada kegagalan hutan berperanan sebagai kawasan tadahan hujan. Adakah kerajaan negeri berinisiatif untuk memantau projek pembangunan di kawasan cerun bukit? Adakah kerajaan negeri ada rancangan untuk menjalankan sistem perparitan yang mapan untuk menampung kuantiti air hujan yang luar biasa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

74. (a) Antara usaha Kerajaan Negeri dalam memantau projek pembangunan di cerun bukit adalah seperti berikut:
- (i) Mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan Notis di bawah Sek. 70(A), Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 iaitu Notis Menghendaki Kerja Tanah Diberhentikan bagi mana-mana pembangunan yang tidak mematuhi kehendak atau syarat-syarat kelulusan pelan.
 - (ii) Semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah dilaksanakan mengikut Laporan Geoteknikal yang disediakan oleh Jurutera Perunding Geoteknikal dan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Tanah Bukit Berisiko.
 - (iii) Semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah mematuhi *Safety Guideline For Hillside Development 2012*.
 - (iv) Semua projek pembangunan di cerun bukit hendaklah mematuhi kaedah kawalan aliran air larian permukaan dengan penyediaan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) mengikut kaedah MSMA Edisi Kedua.
 - (v) Sistem saliran air sedia ada di cerun bukit hendaklah tidak diusik atau diubah alih bagi semua projek pembangunan di cerun bukit.
 - (vi) Memastikan aspek penyelenggaraan ke atas sistem saliran dilakukan secara berjadual bagi projek-projek pembangunan yang dalam pembinaan dan yang telah disiapkan.
 - (vii) Mempertingkatkan pemantauan dengan menggunakan *drone* dan pemasangan CCTV di lokasi-lokasi yang strategik di samping mempertingkatkan masa pemantauan (*monitoring time*).
- (b) Antara perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam mengadakan sistem perparitan yang mapan bagi menampung kuantiti air hujan yang luar biasa adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan projek tebatan banjir oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). JPS merupakan agensi utama (*lead agency*) yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini bersama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengawal dan menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum.
- (ii) Pelan Induk Saliran Mesra Alam (*Drainage Master Plan*) untuk semua daerah sedang dihasilkan oleh JPS untuk dijadikan rujukan kepada semua agensi dan pemaju dalam merancang dan melaksanakan sistem saliran dengan lebih berkesan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 75. Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tidak dapat menampung bilangan pelancong dan ketibaan penerbangan yang kian bertambah samada dari domestik atau antarabangsa. Apakah perancangan oleh kerajaan pusat atau kerajaan negeri untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ? Sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 75. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil peluang mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Persekutuan dalam setiap platform yang sesuai agar Kerajaan Persekutuan dapat menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedia ada di Bayan Lepas untuk menampung kapasiti sehingga 10 juta penumpang setahun berbanding kapasiti sedia ada yang hanya mampu menampung 6.5 juta penumpang setahun. Cadangan pembesaran ini telah dimohon oleh Kementerian Pengangkutan melalui *Rolling Plan* 3 RMKe-11.

Y.A.B. Perdana Menteri yang juga adalah Menteri Kewangan ketika membentangkan Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017 telah mengumumkan kelulusan bagi Bajet 2018 untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

- 76. Kelajuan internet penting untuk aktiviti dan aplikasi yang meningkatkan efisiensi dan kecekapan. Namun kelajuan internet di Pulau Tikus, Persiaran Gurney dan Mt Erskine masih terhad dan perkhidmatan fiber optik seperti TIME masih belum disempurnakan lagi. Apakah usaha kerajaan untuk mempercepatkan kesediaan kelajuan internet yang paling cepat untuk kawasan Pulau Tikus?

Y.A.B. Ketua Menteri:

- 76. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan telah mengambil inisiatif dengan mengadakan perbincangan dengan pihak penyedia perkhidmatan bagi mempercepatkan kesediaan kelajuan internet di seluruh Negeri Pulau Pinang melalui pemasangan fiber optic yang kebanyakannya dipasang dan dimiliki oleh pihak TM dan TIME. Untuk makluman, fiber optik milik TIME telah tersedia di kawasan Pulau Tikus. Namun, pemasangannya tertumpu kepada premis atau bangunan bertingkat seperti pangsapuri, kondo dan bangunan komersial. Kemudahan tersebut masih belum diperluaskan ke rumah jenis sesebuah. Rancangan pemasangan fiber optik adalah tertakluk kepada pihak syarikat perkhidmatan itu sendiri kerana melibatkan kos yang tinggi dan perlu diambil kira permintaan berbanding dengan kos pelaksanaan.